

“DALAM makna, perbelanjaan dan perolehan adalah perlu dibuat dengan bijaksana, bukannya dengan mengambil jalan pintas melibatkan perbelanjaan yang sia-sia. Sebagai institusi besar dan dinamik, adalah wajar bagi setiap bahagian dan unit untuk terus peka dengan perancangan masing-masing dengan mengikut arus pemikiran di peringkat strategik.”

- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-53 pada 2 Syaaban 1435 Hijrah / 31 Mei 2014 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

“DAN perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 190.

DPMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta-Duta Besar dari negara-negara ASEAN ke Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo L. Montealgre.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Htun Aung.

Kedua-dua TYT telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Mei 2015.

Majlis tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo L. Montealgre.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Htun Aung.

Kebawah DYMM hantar perutusan simpati

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan simpati kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, berikutan dengan kejadian gempa bumi yang melanda Ranau, Sabah baru-baru ini yang telah mengorbankan nyawa dan menyebabkan kerosakan harta benda awam dan persendirian.

Dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib, baginda menyampaikan rasa simpati kepada YAB serta penduduk negeri Sabah yang terlibat. Baginda seterusnya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberi perlindungan kepada YAB dan keluarga serta kerajaan dan rakyat Malaysia.

Sementara itu, dalam perutusan Kebawah DYMM kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Musa, baginda berserta kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam juga menyampaikan rasa simpati kepada YAB serta semua penduduk negeri Sabah, di atas kejadian tersebut dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar YAB dan keluarga serta rakyat Malaysia akan sentiasa terpelihara.

Kebawah DYMM utus takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong serta kerajaan dan rakyat Republik Singapura berikutan dengan kehilangan nyawa seorang rakyat Singapura di dalam kejadian gempa bumi yang melanda Sabah baru-baru ini.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Perdana Menteri Republik Singapura, TYT Lee Hsien Loong, baginda amat berdukacita mengetahui mengenai kehilangan jiwa rakyat Singapura itu dan berharap semoga pasukan mencari dan menyelamat akan berjaya di dalam usaha-usaha mereka untuk mencari beberapa orang rakyat Singapura yang masih belum ditemui dan semoga mereka akan dapat pulang ke tanah air dengan selamat.

Baginda mengucapkan simpati dan takziah yang amat mendalam kepada TYT Lee Hsien Loong serta kerajaan dan rakyat Singapura, terutamanya keluarga-keluarga mangsa yang terlibat.

Celik Kewangan kurangkan risiko hutang



Muka 3

STaR bantu berhenti merokok



Muka 4

PRAKTIKAN kaedah kitar semula

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Jumaat, 5 Jun. - Celik Kewangan bermaksud mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang hal-hal kewangan yang berkaitan dengan perbankan, hartanah, insurans, pelaburan, simpanan dan cukai.

Ia juga bermaksud keupayaan komuniti untuk memproses informasi ekonomi dan membuat keputusan tentang perancangan kewangan.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Bengkel Celik Kewangan / Celik Kewangan Islam 2015 berlangsung di Park View, dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Urusan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Lily binti Haji Kula selaku tetamu kehormat.

Ke muka 24

Pastikan kesempurnaan pengagihan buah kurma

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Saya sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya yang berterusan dalam memberi kita hadir beramai-ramai di majlis yang berkeabajikan ini, iaitu Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1436 Hijrah.

InsyaaAllah pada tahun ini, sepertimana juga di tahun-tahun lalu, setiap menjelang bulan Ramadan, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam akan dapat menikmati buah-buah kurma, yang merupakan kurnia peribadi paduka ayahanda sebagai juadah berbuka puasa.

Pada ketika kita berada di dalam bulan Syaaban di mana dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke bulan Ramadan yang mubarak yang amat kita nanti-nantikan ketibaannya sebagai bulan pembawa rahmat dan berkat kepada seluruh umat Islam.

Selain, bulan Syaaban juga mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan tertentu, terutamanya dalam mempersiapkan diri bagi kedatangan bulan Ramadan dengan memperbanyakkan amal kebajikan sebagai latihan rohani.

Antara amalan yang dianjurkan pada bulan Syaaban ialah memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertaubat dan beristighfar, bersedekah dan bersembahyang sunat terutamanya pada waktu malam.

Selain itu, kita juga dianjurkan untuk memperbanyakkan melakukan puasa sunat sebagaimana amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda lebih banyak melakukan ibadat puasa sunat pada bulan Syaaban.

Bulan Ramadan pula merupakan masa untuk menguji tahap kesabaran dan meningkatkan pelbagai amalan kebajikan khususnya kepada yang amat memerlukan ihsan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyarankan beberapa amalan utama untuk dilakukan dalam bulan Ramadan, termasuk melazimkan bacaan kalimah *taiyibah*, iaitu 'Laa Ilaaha Illallah', serta bacaan istighfar, kerana Allah Subhanahu



SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan bulan Ramadan 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam pada 15 Syaaban 1436H bersamaan 2 Jun 2015M.

Wata'ala telah berjanji akan memberi kita jalan keluar daripada segala kesukaran dan membebaskan kita daripada segala kesedihan.

Ini kerana, bulan Ramadan juga memiliki keistimewaan yang tersendiri, di antaranya Al-Qur'an telah diturunkan pada bulan Ramadan sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud :

"Bulan Ramadhan adalah (bulan) yang di dalamnya diturunkan Al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan petunjuk tersebut dan pembeda (antara yang benar dan yang batil)." (Surah Al-Baqarah, ayat 185).

Maka adalah amat rugi jika Ramadan datang dan berlalu meninggalkan kita begitu saja, tanpa ada usaha dari kita untuk memanfaatkannya dengan melakukan berbagai ibadah dan amalan soleh.

Dalam konteks pengurniaan buah kurma kurnia peribadi paduka ayahanda ini, ianya amat sinonim apabila sahaja tiba bulan Ramadan.

Justeru itu, saya tidak jemu-jemu untuk

mengingatkan betapa pentingnya pihak-pihak yang diamanahkan untuk membuat pengagihan tersebut untuk melaksanakannya dengan sempurna dan teratur ke arah memastikan hasrat paduka ayahanda untuk melihat setiap umat Islam di negara ini berbuka puasa dengan kurma kurnia paduka ayahanda itu dapat ditunaikan dengan sebaik-baiknya.

Oleh itu, saya menyeru supaya perhatian yang khusus juga diberikan oleh pihak-pihak tertentu dalam pengagihan buah-buah kurma tersebut kepada golongan orang-orang susah dan kurang berkemampuan, termasuklah juga di kalangan orang-orang tua.

Apa yang saya harapkan supaya penghulu dan ketua-ketua kampung hendaklah sentiasa bersikap prihatin dalam *mengelinga* golongan-golongan tersebut sehingga sampai terdapat situasi di mana ada di antara mereka tidak menerima buah-buah kurma berkenaan sehinggakan mereka terpaksa pula mencari dan berkunjung ke rumah penghulu dan ketua-ketua kampung bagi mendapatkan kurma-kurma tersebut.

Saya percaya banyak kemanfaatan yang boleh sahaja diperolehi jika penghulu dan ketua-ketua kampung selalu *berdudun* ke rumah-rumah anak-anak buah kampung masing-masing, bukan sahaja untuk tujuan pengagihan buah-buah kurma ini bahkan juga sekali gus dapat meninjau dan berinteraksi secara dekat dengan mereka bagi bertanyakan hal ehwal dan kesejahteraan mereka.

Oleh itu, dalam menangani proses pengagihan tersebut, saya amat berharap supaya pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) akan turut memantau proses tersebut dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan kesempurnaannya.

Di kesempatan ini, saya sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YSHHB, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta semua yang terlibat dalam mengendalikan pengagihan buah kurma kurnia ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal di atas usaha-usaha mereka yang ikhlas itu.

Pada akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga paduka ayahanda akan dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam keadaan sihat al'afiat serta dalam keadaan sihat wal'afiat serta dalam perlindungan dan pemeliharaan-Nya dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Dari Sidang Pengarang.

8 JUN 2015 BERSAMAAN 1436 شعبان 21

SEMANGAT SETIA KAWAN KESUKANAN DALAM ASEAN

SUKAN Asia Tenggara Ke-28 yang juga dikenali sebagai Sukan SEA, kini berlangsung dengan penuh semangat kesukanan di Republik Singapura. Ia merupakan sebuah temasya sukan dwitahunan yang membabitkan 11 negara Asia Tenggara. Sukan ini dipimpin oleh Persekutuan Sukan Asia Tenggara dengan kerjasama Komite Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Majlis Olimpik Asia.

Sukan sebagaimana yang sama-sama kita ketahui sangat memainkan peranan signifikan bagi perkembangan yang mampan, di samping menyatukan masyarakat ke arah menyumbang kepada keamanan, keharmonian dan kestabilan serantau. Ia juga amat sesuai bagi melahirkan bukan sahaja modal insan berdaya saing malah atlet bertaraf dunia yang boleh mengharumkan nama negara.

Selain itu, sukan yang menjadi fokus global, juga mempunyai kuasa untuk menyatu dan memberikan kegembiraan di mana jika digunakan dengan sebaiknya ia boleh membantu memberikan agenda sosio-ekonomi yang besar dalam kesepakatan ASEAN.

Dalam ASEAN, kepentingan sukan telah ditekankan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Sukan ASEAN (AMMS) yang menyediakan platform bagi meningkatkan sukan untuk semua dan prestasi sukan yang tinggi yang diharap dapat menetapkan hala tuju yang jelas bagi kerjasama di bidang sukan dalam ASEAN.

Bagi membantu perkembangan sukan dan industri sukan di rantau ini, Negara Brunei Darussalam sebagaimana negara-negara ASEAN yang lain juga telah memainkan peranan penting dan komitmen yang tersendiri. Antaranya ialah dengan berjaya menganjurkan Piala Hassanah Bolkiah (HBT), di mana kesemua 10 negara ASEAN dan juga Timor Leste telah menyertainya. Kejayaan Negara Brunei Darussalam sebagai penganjur Kejohanan HBT telah mendapat perhatian daripada pegawai pemerhati daripada Asian Football Confederation (AFC) dalam mana telah menyatakan pengendalian kejohanan adalah di tahap yang sangat baik dan mutu permainan pasukan-pasukan yang bertanding adalah sangat tinggi. Dalam waktu yang sama Kejohanan HBT juga telah mendapat pengiktirafan daripada AFC dan ASEAN Football Federation (AFF).

Kejayaan dalam menganjurkan HBT adalah langkah dalam mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk menjadikan Kejohanan Bola Sepak HBT Bagi Belia ASEAN sebagai satu temasya yang dapat menyumbang kepada perpaduan dan keamanan serantau dan menjadikan kejohanan ini satu lagi pencapaian bagi agenda dunia 'Sukan Untuk Keamanan dan Pembangunan' atau Sports For Peace and Development, yang berprestij di rantau ASEAN.

Dalam pembangunan sukan di negara ini, peranan BDNOC juga sedikit sebanyak membantu kejayaan persatuan-persatuan sukan di negara ini sama ada dari segi kewangan, perbelanjaan menganjurkan kursus-kursus yang berkenaan di negara ini, atau menyertai pertandingan-pertandingan sukan, mengikuti kursus kejurulatihan dan teknikal, forum, seminar dan sebagainya, juga dalam konteks hubungannya dengan badan-badan sukan dunia dan serantau.

Dengan yang demikian dalam sukan, Negara Brunei Darussalam terus komited kepada tiga bidang yang digariskan dalam AMMS iaitu pertama sukan untuk semua, kedua prestasi tinggi dalam sukan dan ketiga industri pelancongan dan sukan. Dan negara juga akan terus bekerjasama rapat dengan negara anggota ASEAN bagi menjamin integriti etika sukan, saling hormat-menghormati dan akses terhadap sukan sebagai satu hak asasi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Acara Pembukaan Sukan SEA Ke-28, 2015 yang berlangsung di Stadium Negara, Singapore Sports Hub pada hari Jumaat, 5 Jun lepas sudah tententunya jadi penyuntik semangat para atlet negara yang menyertai sukan itu. Di mana Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Ke-28 itu sendiri berharap para delegasi dan kontinjen yang mewakili negara-negara ASEAN dapat bersaing bagi mengejar kejuaraan dengan persefahaman dan setia kawan. Kerana kalah menang memang percaturan dalam perlawatan tetapi yang lebih penting ialah semangat setia kawan dalam ASEAN yang perlu ada pada setiap atlet negara-negara ASEAN dan Timor Leste.

Iaitu bertepatan dengan tema Sukan SEA dwitahunan ini, iaitu 'Meraikan Yang Luar Biasa' (Celebrate The Extraordinary) antara lain memberi erti bagi menghubungkan individu, masyarakat dan negara kepada impian mereka. Ia bukanlah sekadar mengejar kejuaraan malah memberi inspirasi dengan lebih mendalam sesama sendiri. Kerana kejayaan pasti bukan mudah untuk dicapai dan tiada jalan pintas untuk memperolehinya, tanpa adalah berkat kerjasama padu, usaha gigih dan sokongan serta dukungan semua pihak.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Hj. Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Bolhassan Haji Abu Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nurul Qaidah Ahmad
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramadan Cusca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	25 °C	32 °C
MUARA		
33 °C	25 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	24 °C	31 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	25 °C	32 °C
PEKAN BERIA		
32 °C	25 °C	33 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	24 °C	33 °C
Wallahuallah Bismillah		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PEMBANGUNAN Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Tallian Cusca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANTUN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

STaR bantu berhenti merokok

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Menangani masalah perdagangan haram produk-produk tembakau adalah penting kerana harga produk-produk tembakau yang dijual murah secara haram mampu memberi keinginan kepada golongan belia dan kanak-kanak untuk mencuba.

Pengarah Umum, Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Zainal Ariffin bin Haji Awang Yahya menegaskan perkara itu pada Majlis Pelancaran Aplikasi Telefon Bimbit Sihat Tanpa Rokok (STaR) sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2015 di Pusat Promosi Kesihatan, di sini.

Menurutnya, produk tembakau yang diseludup juga boleh mengelirukan pengguna tembakau kerana kebanyakannya tidak memaparkan amaran kesihatan dan kadang-kadang penyeludup atau penjual melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti jualan haram.

Hal ini jelasnya, kerana penggunaan tembakau terbukti menjadi salah satu faktor risiko utama kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit khususnya seperti kanser, penyakit kardiovaskular (jantung), diabetes (kencing manis) dan penyakit pernafasan yang kronik.

Penyakit-penyakit sedemikian itu tambahnya, merupakan penyumbang utama penyebab kematian di dunia termasuk Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, pendedahan kepada asap rokok juga boleh mengakibatkan kardiovaskular dan pernafasan termasuk penyakit koronari dan kanser paru-paru pada orang dewasa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan aplikasi STaR ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Aplikasi itu dihasrat agar dapat meningkatkan kesedaran orang ramai, terutama sekali para perokok, mengenai cara-cara berhenti merokok melalui penggunaan aplikasi telefon bimbit.

Ia juga bertujuan untuk memudahkan dan mempelbagaikan akses orang ramai kepada bantuan untuk berhenti merokok selain boleh dijadikan sebagai salah satu landasan untuk

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan cenderahati kepada pencipta aplikasi berhenti merokok.

berhubung secara interaktif di antara profesional kesihatan dan pengguna-pengguna aplikasi khususnya perokok-perokok yang ingin berhenti merokok.

Mengikut kaji selidik 'Global Youth Tobacco Survey (GYTS)' yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2013 di 25 buah sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan di seluruh negara mendapati seramai 8.5 peratus belia di antara 13 hingga 15 tahun adalah perokok di mana 13.4 peratus dalam kalangan belia lelaki dan 3.4 peratus kalangan belia perempuan.

Hampir 40 peratus belia terdedah kepada asap rokok pasif di rumah sendiri. Hasil dapatan kaji selidik 2013 juga menunjukkan bahawa segolongan besar belia yang merokok berkeinginan untuk berhenti merokok.

Sementara, kaji selidik 'Tobacco Questionnaires for Survey (TQS) 2013' bagi orang dewasa pula telah mendapati sebanyak 97.3 peratus orang dewasa percaya merokok menyebabkan penyakit yang serius.

Namun keseluruhannya, 18 peratus dalam kalangan dewasa adalah perokok di mana 32.6 peratus kalangan lelaki dewasa dan 2.3 peratus kalangan

perempuan dewasa manakala, empat hingga 10 orang dewasa bekerja di dalam bangunan terdedah kepada asap rokok pasif di tempat kerja dan dua hingga 10 orang dewasa yang bekerja di dalam bangunan terdedah kepada asap rokok pasif di rumah.

Kaji selidik TQS juga menunjukkan bahawa 86.1 peratus daripada perokok dewasa telah mencuba berhenti merokok dalam tempoh tempoh 12 bulan yang lalu.

Dengan matlamat utama Hari Tanpa Tembakau Sedunia adalah untuk melindungi generasi masa kini dan akan datang, bukan sahaja daripada kesan buruk kepada kesihatan, malah juga dari masalah sosial dan ekonomi akibat tembakau.

Sehubungan itu, aplikasi STaR boleh dimuat turun melalui 'Google Playstore' bagi pengguna Android mulai dari 1 Jun 2015 dan 'Appstore' bagi pengguna 'iPhone' bermula 10 Jun 2015.

Aplikasi tersebut juga boleh diakses melalui laman sesawang mystar.goodbarber.com. Untuk sebarang pertanyaan mengenai aplikasi tersebut, orang ramai boleh menghubungi Healthline 145 atau 8882005.

Tingkatkan azam untuk berhenti merokok

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof ketika ditemu bual oleh media tempatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyeru perokok-perokok agar berazam dengan kuat berhenti merokok.

Yang Berhormat semasa ditemu bual Pelita Brunei selepas Majlis Pelancaran Aplikasi Telefon Bimbit Sihat Tanpa Rokok (STaR) sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2015 di Pusat Promosi Kesihatan, menekankan bahawa merokok itu boleh menjejaskan kesihatan dan boleh menyelamatkan nyawa, diri mereka, keluarga dan masyarakat.

Justeru itu, pemantauan dan penyelidikan telah dibuat dari semasa ke semasa di mana satu penyelidikan mendapati 80 peratus perokok terdiri daripada kalangan dewasa dan kalangan perokok yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun pula adalah lapan peratus.

"Kita sekarang menyedari untuk

menyedarkan secara efektif lagi kepada orang ramai khususnya pada masa kini, kita *mentarget* kepada perokok-perokok dengan mengadakan aplikasi yang baru yang difikirkan lebih bekasan melalui aplikasi *mobile* dengan membarigakan, iaitu 'Sihat Tanpa Rokok'," tambahnya.

Menurutnya, ia adalah salah satu cara bagi menyedarkan orang ramai terutama sekali kaum belia dan perokok-perokok dalam memberikan kesedaran bahawa mereka adalah bertanggungjawab untuk bersama-sama memastikan bagi menjaga kesihatan, tetapi boleh menyelamatkan nyawa perokok, kaum keluarga dan masyarakat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan mengingatkan bahaya rokok itu boleh menjejaskan kesihatan dan dapat menggugat nyawa bukan sahaja kepada perokok itu sendiri, tetapi juga kaum keluarga, persekitaran dan orang awam.

Hal ini terangnya, disebabkan tembakau adalah salah satu faktor penyebab penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit penafasan yang kronik, kardiovaskular dan lain-lain penyakit.

"Alhamdulillah pada masa ini perokok yang berhenti merokok adalah 6.7 peratus dan diharap ianya akan meningkat dari semasa ke semasa," ujarnya.

Dari itu, Kementerian Kesihatan katanya, akan sentiasa memberikan kerjasama dan pertolongan kepada orang yang ketagihan rokok.

Maka, Yang Berhormat berharap, aplikasi STaR itu akan memudahkan orang ramai berinteraksi bersama para profesional kesihatan dengan mendapatkan maklumat-maklumat tentang bahaya rokok dan tatacara memberhentikan perokok selain mengadakan klinik berhenti merokok di semua pusat kesihatan dan hospital di Brunei Darussalam.

Negara buat persiapan rapi



HADIR pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Sebagai persiapan qari dan qariah negara ini ke Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia Tahun 1436H/ 2015M, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan

Kursus Intensif yang bermula dari 5 Mei lalu dan berakhir 6 Jun.

Majlis penutup kursus diadakan di Dewan Bangunan Tambahan KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Ia dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ali Yusof bin Haji Arsad dan kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Haji Idris bin Haji Aji.

Beliau dalam ucapannya antara lain menyatakan, tujuan kursus intensif tersebut diadakan adalah sebagai persiapan awal bagi wakil negara dalam menyertai Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia nanti.

Jelasnya, dalam kursus intensif tersebut, wakil negara diberi bimbingan dalam meningkatkan tahap bacaan mereka dalam bidang seni lagu Al-Qur'an, di samping sudut suara, tajwid dan *fasahah* serta diberikan latihan cara pembacaan Al-Qur'an mengikut *lahjah* Arab dan mampu mengalunkan dengan baik.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Persembahan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an oleh qari dan qariah yang bakal mewakili negara, iaitu Awangku Mohammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji

Awang Damit.

Kedua-dua mereka merupakan johan qari dan qariah di Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun ini yang telah berlangsung pada 28 hingga 30 April lalu.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada para peserta dan pembimbing kursus yang diselenggarakan oleh tetamu kehormat.

Kursus Intensif tersebut



WAKIL qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, Awangku Mohd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit semasa memperdengarkan Persembahan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an.



Praktikan kaedah kitar semula

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Bagi meningkatkan kesedaran kalangan masyarakat di negara ini dalam sama-sama memelihara alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) melancarkan

'Handbook Kitar Semula'.

Pelancaran buku tersebut disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, Berakas.

Buku berkenaan secara langsung menjurus tentang kepentingan memelihara alam sekitar sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang bertemakan 'Seven Billion Dreams, One Planet, Consume with Care'.

Buku tersebut mengandungi maklumat-maklumat terkini mengenai bahan-bahan buangan yang boleh dikitar semula dan langkah-langkah yang boleh dilakukan dalam mempraktikkan kaedah kitar semula di negara ini.

Pada majlis itu, Menteri Pembangunan menyerahkan buku tersebut kepada ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pembangunan untuk kemudahan warga-warga jabatan masing-masing dan seterusnya menyaksikan pameran di ruang legar mengenai usaha-usaha beberapa institusi pengajian tinggi dan kelab-kelab di negara ini.

Turut hadir Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lufti bin Abdullah; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahrom bin Haji Suhaimi dan Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Chua Pheng Keong.



MENTERI Pembangunan menyaksikan pameran Eco Enzym pada Majlis Pelancaran 'Handbook Kitar Semula' bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia 2015 (atas dan bawah).



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyerahkan *handbook* dalam Majlis Pelancaran 'Handbook Kitar Semula' bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia 2015.

Kesedaran terhadap kebudayaan, kesenian tidak memuaskan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Kajian Kebangsaan Pemahaman Belia Mengenai Kebudayaan dan Kesenian Negara Brunei Darussalam yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 2013 mendapati bahawa tahap kesedaran terhadap kebudayaan dan kesenian negara ini dalam kalangan rakyat adalah tidak memuaskan.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman menegaskan, 73 peratus yang mengikuti *survey* berpendapat tahap pengalaman 'Kebudayaan Melayu Brunei' dalam kalangan belia masih di peringkat rendah yang mana kajian yang diadakan dalam bentuk *survey* telah disertai oleh 2,000 belia dan beliawanis yang berusia di antara 15 hingga 40 tahun.

Berucap pada Majlis Sambutan Hari Muzium dan Arkib Antarabangsa 2015, Yang Mulia Datin Paduka menambah, dengan dapatan yang mengecewakan ini seharusnya menjadi *wake up call* kepada semua agensi yang bertanggungjawab ke atas pemeliharaan, penyebaran dan kemampunan budaya Brunei.

Jabatan Muzium-Muzium tegasnya, perlu lebih proaktif untuk memikirkan cara dan kaedah-kaedah baru untuk menarik minat belia dan rakyat kita supaya akan dapat menyebar dan memasyarakatkan budaya dan nilai-nilai murninya dengan lebih berkesan.

"Usaha-usaha yang lebih dinamik yang dimaksudkan adalah selaras dengan tema Hari Muzium dan Arkib Antarabangsa pada tahun ini, iaitu 'Muzium dan Arkib Untuk Masyarakat Yang Berdaya Tahan' dan sangat bertepatan dengan hala tuju KKBS melalui Jabatan Muzium-Muzium untuk memasyarakatkan muzium agar orang ramai, khususnya, masyarakat

tujuh puak jati Brunei di negara ini, akan dapat memantapkan lagi amalan budaya sebagai sendi perpaduan dan pembentukan jati diri yang berlandaskan budaya Melayu, agama Islam dan kepimpinan beraja," ujarnya selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di ruang legar, di Atrium, Airport Mall, Berakas.

Jabatan Muzium-Muzium, tambahnya, tidak akan wujud untuk mencerminkan, membimbing, atau membantu serta memperkuat lagi nilai-nilai murni budaya dan semangat jati diri bangsa Melayu Brunei tanpa penglibatan masyarakat suku kaum di negara ini.

Yang Mulia Datin Paduka berharap Jabatan Muzium-Muzium akan terus berkembang dengan menggunakan kaedah baru untuk mewujudkan muzium zaman baru serta memikirkan cara untuk memasyarakatkan muzium melalui kaedah seperti *living museums* dan sebagainya dan mengalu-alukan usaha Jabatan Muzium-Muzium untuk mendirikan *local museums* atau pameran-pameran muzium di daerah-daerah yang lain bagi mencerminkan sejarah dan budaya tempatan.

Menurutnya, kerjasama dengan masyarakat dan pejabat-pejabat daerah adalah sangat-sangat diperlukan dalam menggerakkan masyarakat setempat untuk membantu bagi mewujudkan muzium-muzium daerah suatu hari nanti.

Usaha tersebut jelasnya, akan membolehkan lagi negara ini untuk mengangkat dan membarigakan kekayaan khazanah bangsa untuk dijadikan simbol nasional dan mampu untuk mendukung masyarakat setempat dalam memperkukuhkan identiti dan menghidupkan semula amalan tradisi kita.

Amalan-amalan tradisi tersebut juga katanya, diharap akan dapat muncul berkembang di tengah-tengah cabaran baru dalam mengharungi Abad Ke-21 ini, agar usaha dan ketahanan diri

masyarakat setempat masih dapat bersaing dengan jayanya.

"Empayar Brunei pada waktu kegemilangannya merupakan pusat kerajaan, pusat budaya, pusat pentadbiran dan pusat perniagaan bagi keseluruhan Pulau Borneo. Nama Pulau Borneo, yang berasal dari Poni, membuktikan betapa kuat pengaruh Empayar Brunei di zaman silam. Fakta ini harus memberi inspirasi kepada kita semua untuk mendirikan semula Negara Brunei Darussalam sebagai Pusat Penyelidikan bagi keseluruhan Pulau Borneo. InsyaaAllah, aspirasi ini dapat dicapai dengan usaha sama semua agensi yang bertanggungjawab ke atas pemeliharaan, pemulihan dan penyelidikan supaya Negara Brunei Darussalam akan mempunyai hala tuju yang sama dalam penggubalan dasar penyelidikan, dasar koleksi dan dasar pemeliharaan di negara ini," jelasnya.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat juga telah melancarkan Sambutan Hari Muzium dan Arkib Antarabangsa 2015 dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada para pesara dan penyumbang aktiviti jabatan tersebut.

Pelancaran tersebut adalah berupa bahan-bahan promosi Jabatan Muzium-Muzium yang memaparkan sebuah video dan risalah serta poster bagi menunjukkan lokasi muzium-muzium dan galeri di bawah pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium dan *tagline* barunya 'MuziumKu, WarisanKu'.

Turut diadakan ialah pameran dengan menyediakan pelbagai aktiviti termasuk khidmat nasihat bagaimana memelihara bahan koleksi dalam simpanan peribadi; bagaimana untuk menguruskan rekod; menerima sumbangan daripada orang ramai berupa bahan-bahan budaya atau tinggalan sejarah yang berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam; tayangan filem lama dan jualan bahan-bahan terbitan dan *merchandise* sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Muzium-Muzium.

Sebuah petak pameran khusus untuk pendaftaran bagi penyertaan 'Museums Race Brunei' yang akan



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman menyampaikan cenderahati kepada seorang pesara.

diadakan dalam bulan Ogos 2015 yang melibatkan peserta-peserta untuk melawat muzium-muzium dan galeri untuk mencari petunjuk dan menyelesaikan aktiviti.

Juga hadir ialah Kurator Ilmu Kejadian dan Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Dato Haji Abdul Aziz serta pegawai dan kakitangan Jabatan-Jabatan Muzium.



KURATOR Ilmu Kejadian dan Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah menerangkan mengenai kajian di Taman Warisan Tasek Merimbun.

Ekspo kerja tangan penghuni penjara, pengusaha tempatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Jun. - Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), dan Hasil Kraf Tangan, Pertanian serta Pameran Jabatan Penjara berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 7 Jun 2015 yang mengambil tempat di Ruang Legar, Pusat Membeli Belah Times Square, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan ekspo jualan tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Ekspo Jualan 1K1P dan Hasil Kraf Tangan, Pertanian serta Pameran Jabatan Penjara anjuran Majlis Perundangan Mukim Berakas 'A' dan dikendalikan bersama Kampung Jaya Setia / Jaya Bakti, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Penjara ini adalah merupakan projek tahunan yang mana pada tahun-tahun lalu ekspo seumpama ini sering diadakan di kawasan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Di samping diadakan jualan, Jabatan Penjara juga turut mengadakan Pameran serta Demonstrasi pelaksanaan hukuman sebat rotan.

Ekspo selama empat hari ini dibukakan kepada orang ramai bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Janis-jenis produk jualan dan pameran tahun ini seperti tahun-tahun lepas yang mana Jabatan Penjara sendiri menentengahkan produk-produk kraf tangan dan pertanian iaitu hasil kerja tangan yang dihasilkan sendiri oleh penghuni-penghuni penjara yang mengikuti program latihan vokasional iaitu penghasilan pertukangan kayu seperti meja bilik tamu, meja tepi, almari, meja strikrah,

ayat-ayat yang dibingkai, sangkar burung, peti surat, manakala perabot yang diperbuat daripada kimpalan adalah seperti penyalai, rak kasut, pengantong baju, rak pasu dan lain-lain lagi.

Sementara itu, kraf tangan yang dihasilkan oleh penghuni-penghuni penjara wanita pula ialah seperti tudung, telekong, lapik meja, songkok dewasa dan kanak-kanak serta lain-lain lagi.

Manakala daripada mukim dan kampung yang menyertai ekspo ini menampilkan jenis-jenis produk kampung seperti hasil kraf tangan, pertanian dan makanan-makanan kering.

Penyertaan ekspo yang diadakan pada tahun ini juga melibatkan produk-produk hasil kraf tangan daripada Penjara Pusat Miri dan

Penjara Limbang Sarawak sebagai mengeratkan lagi perhubungan dan perkongsian program pemulihan di antara kedua-dua buah negara.

Sebanyak 18 buah petak jualan telah disediakan yang mana lapan buah dari Jabatan Penjara dan 10 buah lagi dari peniaga-peniaga di bawah Mukim Berakas 'A'.

Ekspo ini bertujuan untuk menentengahkan dan memperlihatkan kepada masyarakat hasil kerja tangan penghuni-penghuni penjara lelaki dan penjara wanita yang selama ini mungkin kurang diketahui oleh masyarakat umum, di samping bagi mendukung penghasilan produk mukim dan kampung dan seterusnya membuka peluang perniagaan kepada penduduk-penduduk kampung yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Selain ekspo ini, Jabatan Penjara juga menjalankan program pemulihan bukan saja dalam bentuk kemahiran dan pertukangan malah memberikan motivasi seperti mengadakan kaunseling serta memanggil



SETIAUSAHA Tetap KHEDN menyaksikan Ekspo Jualan 1K1P dan Hasil Kraf Tangan, Pertanian serta Pameran Jabatan Penjara.

Pengagihan 57 ribu kotak kurma kurnia di Daerah Belait

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

DAERAH BELAIT, Rabu, 3 Jun. - Jabatan Daerah Belait telah mengagih-agihkan lebih 57 ribu kotak kurma jenis 'Safawi' kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di daerah ini untuk diberikan kepada anak-anak buah mukim / kampung mereka yang beragama Islam.

Kurma-kurma tersebut merupakan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan tanda kasih dan pemeduliaan baginda.

Selain itu, ia juga dihasratkan sebagai juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan yang mana seperti yang diketahui pengurniaan tersebut

merupakan suatu perkara yang unik dan hanya boleh didapati di negara ini.

Kurma (Phonex dactylifera) atau *tamar* merupakan sejenis tumbuhan yang berbuah dan boleh dimakan sama ada ketika ia sudah masak atau masih mentah. Ia dikatakan tumbuhan yang mempunyai pelbagai khasiat dan kegunaan yang mana sebahagian daripadanya sudah terbukti secara saintifik.

Malah dalam kitab suci Al-Qur'an sahaja terdapat 21 ayat yang menyebut tentang kurma. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga sendiri telah beberapa kali menyebut perihal kurma dan khasiatnya, dan ia amat sinonim dengan kisah sirah baginda.

Oleh itu, penduduk-penduduk Daerah Belait yang beragama Islam tidak kira umur dan dari apa jua bangsa serta kerakyatan bolehlah mendapatkan kurma-kurma mereka di rumah-rumah penghulu / ketua kampung di mana mereka menetap.



KETUA Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Bakar mengagihkan kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam merasmikan Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan Hasil Kraf Tangan, Pertanian serta Pameran Jabatan Penjara.

agensi-agensi kerajaan, sektor swasta mahupun orang-orang persendirian untuk memberikan ceramah supaya penghuni-penghuni akan tahu hala tuju masing-masing setelah mereka dibebaskan nanti.

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling dan Selian, Jabatan Penjara juga pada masa ini mengadakan Projek Inkubator Rakan Seliaan yang ditawarkan kepada bekas-bekas banduan yang berminat untuk mengikuti projek ini secara sukarela yang mana projek ini akan memberi pekerjaan sementara kepada peserta dalam tempoh enam bulan.

Antara perkhidmatan pekerjaan

yang ada pada masa ini ialah seperti perkhidmatan cuci kereta, potong rumput dan yang terbaru perkhidmatan landskap.

Dengan adanya program melalui Perkhidmatan Kaunseling dan Seliaan, Jabatan Penjara akan dapat melaksanakan kewajipan sosial kepada negara khususnya menjayakan program pemulihan dan pengintegrasian semula rakan seliaan ke pangkuan masyarakat selaras dengan misi dan visi Jabatan Penjara khasnya dan Wawasan Negara 2035 amnya.

Hasil tersebut akan dipulangkan kepada kerajaan sebagai pendapatan kerajaan.

Hargai hidupan liar negara

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

DAERAH BELAIT, Khamis 4 Jun. - Syarikat Metanol Brunei Sdn. Bhd. (BMC) dengan kerjasama Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) telah menganjurkan Jerayawara Kesedaran Hidupan Liar 2015 untuk Sekolah Menengah di Daerah Belait.

Program yang dijalankan ke atas 11 buah sekolah menengah tersebut dibahagikan kepada tiga fasa.

Fasa pelancaran pertama melibatkan 90 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Sekolah Menengah Perdana Wazir dan Sekolah Chung Hwa termasuk pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Cawangan Daerah Belait.

Pelancaran jerayawara tersebut disempurnakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, selaku Pengerusi Bersama, Awang Daud Haji Jais berkata, jerayawara yang bertemakan 'Sayangi dan Hargailah Hidupan Liar Negara Kitani' dihasratkan untuk semua golongan mempelajari peranan, tugas dan tanggungjawab pengurusan hidupan liar di negara ini termasuk perundangan, penguatkuasaan dan program pengurusan serta pemuliharaan penyu laut.

Beliau berharap dengan program jerayawara seumpama itu akan menepati objektif dalam melahirkan serta menjadikan kita semua insan yang lebih penyayang terhadap hidupan liar, di samping mengongsikan maklumat kepada rakan persekolahan dan ahli keluarga.

Kerjasama di antara Bahagian Hidupan Liar BMC dan KPSSU ini telah berterusan sejak 2013 kerana ia sangat penting untuk memupuk dan mengalakkan pengetahuan generasi muda serta orang awam mengenai pemuliharaan dan perlindungan spesies hidupan liar di negara ini.

Majlis pelancaran kemudiannya disusuli dengan tayangan video klip pendek dan *powerpoint* mengenai peranan bahagian dan fungsi, undang-undang dan penguatkuasaan serta pengurusan penyu laut negara.



ANTARA booth pameran yang dipamerkan semasa jerayawara tersebut.

14 pegawai kanan ABDB dinaikkan pangkat



HADIR bagi menyempurnakan kenaikan pangkat tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mei. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), 14 pegawai kanan ABDB telah diperkenankan untuk dinaikkan

pangkat.

Majlis kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai tersebut diadakan di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Hadir bagi menyempurnakan kenaikan pangkat tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat ialah Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, 309 Kolonel (L) Pengiran Norazmi bin

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

Pengiran Muhammad, dinaikkan ke pangkat Laksamana Pertama dan Pemerintah Markas Angkatan Bersama ABDB, 318 Kolonel (U) Haji Hamzah bin Haji Sahat, dinaikkan ke pangkat Brigadier Jeneral.

Sementara 459 Leftenan Kolonel (L) Haji Mohd. Amiroi Shahnoel bin Haji Mohd. Noeh dinaikkan ke pangkat Kolonel Tetap.

Manakala 11 pegawai kanan ABDB dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel Tetap. Mereka terdiri daripada 287 Pemangku Leftenan Kolonel Tarip bin Haji Karia; 376 Pemangku Leftenan Kolonel Hajah Asnah binti Haji Matamit; 386 Pemangku Leftenan Kolonel (U) Norudin bin Salleh; 409 Pemangku Leftenan Kolonel Mohd. Zulkarnain bin Haji Abdul Wahab; 439 Pemangku Leftenan Kolonel (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad; 478 Pemangku Leftenan Kolonel Omar Shariff bin Haji Hidup; 488 Pemangku Leftenan Kolonel (L) Mohd. Sharif Pudir bin Matsrudin; 514 Pemangku Leftenan Kolonel Norhazalan bin Haji Abdullah; 533 Pemangku Leftenan Kolonel Tamin bin Tuah; 551 Pemangku Leftenan Kolonel (L) Rozalan bin Sable dan 721 Pemangku Leftenan

Kolonel Dr. Mas Irman Rukmino bin Dato Paduka Haji Abdul Wahab.

Hadir di upacara kenaikan pangkat itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB

serta ahli keluarga pegawai-pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat.

Upacara kenaikan pangkat merupakan keutamaan matlamat strategik ABDB dalam peningkatan kualiti perkhidmatan dan semangat waja pegawai-pegawai ke arah pengurusan dan peluang kerjaya yang lebih teratur termasuk penampilan kualiti kepimpinan yang menyerlah serta prestasi cemerlang pada sepanjang perkhidmatan mereka.



PEMERINTAH ABDB mengenakan tanda pangkat kepada seorang pegawai kanan ABDB yang dinaikkan pangkat.

ADMM bincangkan kesinambungan inisiatif DCL



MESYUARAT Kumpulan Kerja Kedua Ad-Hoc mengenai Hubungan Komunikasi Langsung (DCL) diadakan di Hotel Centrepoint, Gadong.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan, Awang Abu Sufian bin Haji Ali semasa menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Kedua Ad-Hoc mengenai DCL.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Kedua Ad-Hoc mengenai Hubungan Komunikasi Langsung (DCL) dalam Mesyuarat Proses Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN membincangkan

kesinambungan kata putus Kumpulan Kerja bagi susunan fasa pertama yang juga membuka laluan bagi fasa seterusnya.

Pakar dalam bidang Komunikasi dan Teknologi Bidang Pertahanan dari 10 negara anggota ASEAN dan Setiausaha ASEAN telah menghadiri mesyuarat untuk meneruskan perbincangan mengenai teknikal, teknologi dan keselamatan parameter sistem DCL.

Hal itu antara lain dibincangkan dalam mesyuarat tersebut yang diadakan di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Mesyuarat itu merupakan susulan dari Mesyuarat Kumpulan Kerja Ad-Hoc Pertama yang meletakkan asas bagi kemajuan fasa pembangunan untuk mewujudkan DCL dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM).

Seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat terlebih dahulu, inisiatif DCL telah dibahagikan kepada tiga fasa, yang mana fasa pertama masih dalam pelaksanaan.

Berdepan dengan domain maritim yang kompleks, inisiatif DCL ini menyediakan satu kerahsiaan, dipercayai dan kekal yang mana dua

Menteri Pertahanan ASEAN secara sulit boleh berkomunikasi di antara satu sama lain untuk mencapai keputusan bersama dalam mengendalikan krisis atau situasi kecemasan, khususnya berkaitan dengan keselamatan maritim.

Matlamat inisiatif tidak hanya menjadi asas untuk menyelesaikan isu-isu politik yang digariskan, tetapi untuk mengurangkan ketegangan dan mengurus dengan berkesan apabila berkemungkinan berlaku pertemuan ketenteraan, dan untuk menyediakan satu saluran tindak balas yang cepat dan bantuan dalam keadaan kecemasan.

Dalam semangat perpaduan tradisional ASEAN, diharapkan bahawa inisiatif DCL akan membuahkan hasil, dengan niat untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan maritim di rantau ini, untuk wawasan kolektif pula bagi menyatukan negara Anggota ASEAN sebagai masyarakat ASEAN.

Mesyuarat empat hari telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan, Awang Abu Sufian bin Haji Ali.

IPA barigakan kursus melalui SMS

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dalam usaha dan mengambil langkah inisiatif bagi membarigakan kursus-kursus melalui notifikasi 'Short Message Services (SMS)' telah mengadakan majlis bagi tujuan berkenaan agar dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan IPA kepada warga Perkhidmatan Awam.

Antara kepentingan pembarigakan kursus-kursus IPA melalui notifikasi 'SMS' adalah untuk meningkatkan kecepatan, ketelusan dan meluaskan capaian maklumat kursus IPA kepada pelanggan-pelanggan yang dikenal pasti khususnya kakitangan kementerian dan jabatan kerajaan.

Ia juga adalah salah satu usaha IPA dalam memastikan setiap pelanggan akan dapat menerima maklumat yang disalurkan melalui notifikasi 'SMS' tanpa perlu memuat turun sebarang aplikasi tambahan.

Dengan adanya perkhidmatan notifikasi 'SMS' ini, IPA berharap dapat meningkatkan keberkesanan penyelarasan program latihan IPA yang telah dirancang.

Majlis diakhiri dengan penyerahan peralatan elektronik daripada Pengarah IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali kepada Ketua-Ketua Pusat Latihan IPA bagi tujuan pembarigakan kursus-kursus IPA.



PENGARAH Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali menyampaikan peralatan elektronik kepada salah seorang Ketua Pusat Latihan IPA.

YSHHB anjurkan bengkel sehari suntuk PIP

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Demi membentuk masyarakat masa depan yang berpendidikan, berilmu, berdaya saing dan bermotivasi, Program 'Intervensi' Pendidikan (PIP) telah diungkayahkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sejak tahun 2006 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Program ini bertujuan untuk memberikan bimbingan rapi dalam bidang akademik kepada anak-anak yang dikenal pasti dari keluarga yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan serta memastikan mereka meneruskan pengajian dengan sempurna hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian, untuk merangka hala tuju dan strategi PIP dilaksanakan dengan berkesan, Bengkel Sehari Suntuk PIP YSHHB bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan pada 20 Mei 2015, bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB.

Fasilitator bagi bengkel sehari

suntuk tersebut ialah Ahli Lembaga Pengarah Yayasan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Pengerusi Jawatankuasa PIP dan pakar dari Institute of Leadership, Innovation & Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seramai 24 peserta telah menghadiri bengkel tersebut yang terdiri daripada rakan-rakan strategik YSHHB, ahli-ahli jawatankuasa kerja PIP, Timbalan-Timbale Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri, YSHHB, UBD dan Guru Besar Sekolah Agama Kampung Bolkiah serta jemputan dari Society for Community Outreach & Training (SCOT) dan International School Brunei.

Pendekatan bengkel yang juga melibatkan pakar-pakar di luar Jawatankuasa Kerja PIP ini adalah untuk mendapatkan input dan *global visioning* menyumbang kepada pemikiran semula (*rethinking*)



strategi dan hala tuju PIP.

Dengan adanya bengkel ini, YSHHB berharap akan dapat menepati sasaran dengan lebih efektif dan efisien dalam membantu anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan dalam bidang akademik.

AHLI Lembaga Pengarah Yayasan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Pengerusi Jawatankuasa PIP (kanan) dan pakar dari Institute of Leadership, Innovation & Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) memerhatikan penerangan daripada salah seorang peserta.

Pelatih Lelaki PDB diraikan di Majlis Malam Dikir



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, PDB, ACP Azahari bin Haji Awang Besar semasa menabur bunga rampai kepada para Pelatih Lelaki Skwad 1/2004.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah meraikan para Pelatih Lelaki Skwad 1/2004 pada Majlis Malam Dikir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis (PLP), Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan pada 21 Mei 2015 itu ialah Pemangku Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, PDB, ACP Azahari bin Haji Awang Besar. Juga hadir para pegawai, jemputan khas, anggota PDB serta keluarga para pelatih yang diraikan.

Seramai 70 pelatih pasukan tersebut akan menamatkan latihan kepolisan mereka pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan yang diadakan pada 28 Mei lalu bertempat di Padang Kawad Besar PLP setelah menjalankan latihan asas selama enam bulan sejak November 2014.

Kemantapan nasional majukan ekonomi, kemakmuran negara



ANTARA pembentang terdiri daripada Hamzah Hamdani dari Malaysia dan Drs. Ahmadun Yosi Herfanda dari Republik Indonesia.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mei. - Untuk memajukan ekonomi atau kemakmuran sesebuah negara perlu ada ketahanan atau kemantapan nasional bangsa melalui falsafah atau konsep negara masing-masing.

Bagi Negara Brunei Darussalam, ketahanan nasional bangsa itu penting dilihat oleh penulis-penulis yang ada seperti Muda Omar 'Ali Saifuddin dalam memperkukuh atau memantapkan falsafah atau konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Perkara ini dijelaskan oleh Ketua I Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI), Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah ketika ditemu bual oleh pemberita Pelita Brunei pada sesi petang Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) Ke-18 Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

"Untuk menjaga ketahanan nasional kita, kita ada konsep atau falsafah kita iaitu Melayu Islam Beraja, bukan konsep ini disiarkan semasa merdeka

memperkukuhkan konsep pancasila dan sama juga Malaysia memperkukuhkan falsafah atau konsep mereka, iaitu Rukun Negara.

Menurutnya, tujuan pertemuan diadakan adalah untuk melaksanakan kesepakatan antara penulis-penulis negara-negara nusantara dengan mengadakan pertemuan ini setiap dua tahun sekali dan Negara Brunei Darussalam merupakan kali kelima menjadi tuan rumah dan pernah menjadi tuan rumah pada tahun 1985, 1994, 2001 dan 2009.

Beliau juga menyentuh mengenai tema PSN tahun ini, iaitu 'Ketahanan Nasional dan Keterampilan Sastera Nusantara : Muda Omar 'Ali Saifuddin Memperteguh Konsep Melayu Islam Beraja' yang berkaitan dengan fungsi dan mutu iaitu kualiti sastera.

Pada sebelah petang pertemuan, para pembentang terdiri dari Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dari Negara Brunei Darussalam, Hamzah Hamdani dari Malaysia, Drs. Ahmadun Yosi Herfanda dari Republik Indonesia dan Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad dari Negara Brunei Darussalam.

PSN tahun ini dianjurkan oleh ASTERAWANI dengan kerjasama DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan mempertemukan para sasterawan, penulis, bahasawan dan peminat sastera Nusantara Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura selama tiga hari bermula hari ini hingga 31 Mei 2015.



PERTEMUAN Sasterawan Nusantara Ke-18 pada sebelah petang dihadiri oleh para sasterawan, penulis, bahasawan dan peminat sastera Nusantara.

Peraduan Seni Lukis dibukakan sehingga 10 Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. -Mesyuarat mengenai Peraduan Seni Lukis sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun telah diadakan di Jabatan Arkib pada 2 Jun yang lalu.

Mesyuarat yang diselaraskan oleh Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB) bersama Jawatankuasa Peraduan Seni Lukis itu telah dipengerusikan oleh Dato Paduka Haji Idris bin Haji Abas, selaku Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Seni Lukis sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tarikh akhir menghantar penyertaan peraduan tersebut adalah pada 10 Ogos 2015.

Maklumat mengenai peraduan itu boleh diperolehi di Galeri Seni, Dermaga Diraja BSB dan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis.

17 pain darah didermakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun.- Sebanyak 17 pain darah telah didermakan oleh Lembaga Info-komunikasi Teknologi Industri Negara Brunei Darussalam (AITI) sempena Hari Darah Sedunia dan Pertubuhan Hari Telekomunikasi dan Maklumat Sedunia (WTISD).

Acara diadakan di Dewan Seri Kerna di AITI di Kampung Anggerek Desa.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Syarikat-syarikat Perniagaan Bertauliah AITI(AAB), orang ramai dan kakitangan AITI.

'A Gift of Life' adalah tema menderma darah.

Inisiatif ini telah dianjurkan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat AITI (CSR) untuk menyokong bank darah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk membantu masyarakat dan mereka yang memerlukan pemindahan darah.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai bank darah RIPAS, sila hubungi 2242424 ext 7338 atau 7124, sebagai alternatif orang ramai boleh e-mel kepada bdcripas@gmail.com.

Majlis Makan Tahun tingkatkan perpaduan masyarakat



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali memberikan ucapan pada Majlis Makan Tahun Kampung Menengah Tutong.

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Isnin, 1 Jun. - Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali memuji usaha yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Menengah dan Bukit Sulang, Mukim Lamunin dalam mengangkat warisan budayanya melalui Majlis Makan Tahun untuk meningkatkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Semasa berucap dalam Majlis Makan Tahun di Masjid Kampung Menengah mukim berkenaan beliau berharap usaha dan kepimpinan yang

dilaksanakan oleh Ketua Kampung serta ahli-ahli MPMK akan dapat diteruskan bagi sama-sama memastikan kesejahteraan, kebajikan dan juga kerjasama daripada masyarakat kampung khususnya dan Mukim Lamunin umumnya.

"Dengan adanya aktiviti seperti mendadih dan membungkus kelupis yang diadakan dapat menggambarkan betapa kampung ini mempunyai potensi yang luas dan besar untuk meningkatkan perekonomian masyarakat yang bukan sahaja kaya dengan pelbagai budaya tetapi juga kaya dengan hasil dan tanam-

tanaman," jelasnya pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Menengah, Mukim Lamunin.

Terdahulu, Ketua Kampung Menengah dan Bukit Sulang, Awang Haji Roslee bin Haji Ahad dalam ucapan alu-aluannya berkata, Sambutan Makan Tahun ini merupakan aktiviti sekampung yang bertujuan untuk memelihara warisan tradisi puak Kedayan yang pada suatu ketika dahulu menjadi kemegahan dan teras untuk menyatupadukan masyarakat kedayan yang tinggal di luar bandar.

Beliau seterusnya menambah melalui aktiviti ini penduduk kampung terutamanya belia-belie telah diajar dan diberikan kesedaran bagi membuat perubahan sikap yang negatif kepada sikap yang lebih positif, iaitu bagi mewujudkan golongan masyarakat belia yang memiliki iman dan ketakwaan yang kuat, dinamik, ikhlas, bermotivasi, berdisiplin dan bertanggungjawab.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat seterusnya menyampaikan Anugerah Warga Emas kepada Awang Othman bin Haji Nudin dan juga menyampaikan derma kepada anak-anak yatim Kampung Menengah dan Bukit Sulang.

Majlis diakhiri dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Pemangku Imam Masjid Kampung Menengah, Awang Samsul bin Haji Yakub.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Penghulu Mukim Telisai, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

PEGAWAI Daerah Tutong menyampaikan derma kepada warga emas Kampung Menengah dan salah seorang anak yatim (atas kanan dan kanan).



Memucang-mucang hidupkan suasana harmoni

TUTONG, Ahad, 31 Mei. - Budaya bergotong-royong dan memucang-mucang dalam kalangan masyarakat kampung dapat menghidupkan suasana harmoni.

Justeru itu, penduduk Kampung Menengah, Bukit Sulang dan sekitarnya mengadakan Majlis Bergotong-Royong di kawasan letak kereta di Masjid Kampung Menengah Mukim Lamunin dihadiri oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali

selaku tetamu kehormat.

Gotong-royong tersebut diadakan bagi membuat beberapa persediaan untuk Majlis Makan Tahun Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menengah, Bukit Sulang dan sekitarnya bagi tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan pada 1 Jun di masjid tersebut.

Majlis tersebut dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan dan diselenggarakan oleh penduduk kampung bersama Ahli

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Jawatankuasa dalam suasana penuh persefahaman dan harmoni.

Budaya bergotong-royong secara tidak langsung akan membangkitkan kesedaran dan memberi pengajaran mengenai budaya 'Makan Tahun' kepada para remaja dan belia kampung khususnya.



KELUPIS jalin merupakan sebahagian daripada juadah makanan yang akan dihidangkan dalam Majlis Makan Tahun Majlis Perundingan Kampung tersebut.



PENDUDUK Kampung Menengah, Bukit Sulang dan sekitarnya semasa melakukan kerja gotong-royong bagi persiapan Majlis Makan Tahun Majlis Perundingan Kampung tersebut.

Polis tarik minat pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Balai Polis Sengkurong baru-baru ini berusaha menarik minat pelajar sekolah rendah untuk menceburi kerjaya sebagai seorang anggota polis.

Sehubungan itu, balai polis berkenaan telah menjalankan pemeriksaan kit (*kit inspection*) berkala untuk kakitangannya di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Sengkurong.

Pemeriksaan tersebut diketuai oleh Pegawai Penjaga Stesen, Inspektor Kanan Alfie Wayne Boyd.

Pemeriksaan kit dijalankan untuk memastikan semua peralatan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada kakitangan, berada dalam keadaan baik.


Turut dijemput untuk menyaksikan pemeriksaan kit tersebut, adalah pelajar dan guru-guru dari sekolah berkenaan.

Walaupun biasanya ia dijalankan dalam premis stesen atau balai polis, pilihan tempat, iaitu dewan sekolah adalah untuk membolehkan pelajar mendapat pengalaman pertama dari apa yang dijalankan dalam pasukan polis dan mungkin akan mewujudkan dan menarik minat pelajar-pelajar untuk menceburi kerjaya sebagai anggota polis.

Ceramah motivasi juga disampaikan kepada pelajar tentang keperluan untuk mematuhi disiplin, selain nasihat untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pembelajaran mereka bagi memastikan kejayaan cemerlang di masa hadapan.

BERIKUT adalah esei-esei yang telah menyertai pertandingan Peraduan Menulis Artikel 2013 anjuran Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah Biro Kawalan Narkotik. Esei ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Awam dan Penuntut.

Dadah ibarat kudis berbahaya



PENYALAHGUNAAN dadah tidaklah asing lagi di dunia ini. Masalah ini telah berlaku dari sejak kita belum lahir lagi. Sebenarnya, dadah dijadikan sebagai ubat penahan sakit tetapi apabila disalah guna ia menjadi berbahaya. Masalah juga timbul apabila manusia menyalah guna untuk keseronokan dan kepuasan diri mereka sendiri. Antara dadah yang popular digunakan ialah Heroin,



Menjejaskan kestabilan negara

Oleh :
 Awang Md. Muslihuddin bin Haji Mahleyuddin (Kategori Penuntut)

ISU penyalahgunaan dadah merupakan salah satu isu yang amat membimbangkan apatah lagi kepada keadaan negara yang semakin maju. Isu penyalahgunaan dadah memberikan kesan yang boleh menjejaskan kestabilan dan keamanan negara. Sebahagian pihak yang berkuasa sering mengambil tindakan terhadap pencegahan dadah kepada masyarakat di negara ini, walaupun demikian, sedikit demi sedikit rakyat mulai sedar akan kesan-kesan buruk dadah dalam kehidupan mereka. Adalah merupakan kewajipan pihak-pihak berkenaan untuk memastikan semua rakyat sedar dan mengetahui akan pencegahan dadah di negara ini. Langkah-langkah yang telah diambil oleh beberapa organisasi termasuklah mengadakan kempen ‘anti-dadah’. Kempen ini biasanya dilaksanakan di seluruh negara sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Kempen ini telah memberi kesan yang tinggi sehingga peratus rakyat yang pada dahulunya kerap mengambil dadah semakin menurun. Ini adalah salah satu perubahan yang amat bermakna kerana mengetahui akan keberkesanan kempen ini. Jika ada program mahupun aktiviti tambahan yang boleh menguatkan semangat dan keyakinan diri, maka adalah lebih baik dan

Oleh :
 Dayang Hajah Atikah Nurl Farah binti Haji Bulat (Kategori Penuntut)

Marijuana, Ganja dan Syabu. Banyak negara termasuklah juga negara kita, menjadikan dadah sebagai musuh utama negara. Hal ini disebabkan penyalahgunaan dadah mengakibatkan pelbagai masalah kepada manusia. Seorang penagih dadah yang hidup dalam ketagihan boleh mengakibatkan masalah jenayah seperti mencuri semata-mata untuk mendapatkan wang yang cukup untuk membeli dadah. Mereka yang tidak dapat diselamatkan lagi akan dinamakan sebagai sampah masyarakat, malah ada yang menjadi gila gara-gara dadah. Penyalahgunaan dadah terjadi disebabkan oleh kurangnya kesedaran terhadap kesan buruk yang akan menimpa mereka yang ketagihan dadah. Sudah pasti banyak remaja yang

tercicir dari sekolah atau yang mengganggu tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kesan buruk pengambilan dadah. Oleh itu, apabila mereka telah merasai nikmat dadah, terpukaulah mereka akan kehebatannya sehingga tidak terpijak di dunia nyata. Jika disenaraikan satu persatu, dadah ini memanglah mendatangkan banyak implikasi buruk. Oleh itu, penyalahgunaan dadah harus diatasi. Cara mengatasinya yang paling utama adalah melalui pendidikan mereka mengenai bahayanya dadah itu. Pendidikan ini akan mengelakkan remaja daripada terjerumus dalam dadah. Pendidikan ini patut dilakukan oleh ibu bapa, guru-guru mahupun pihak kerajaan. Pihak bertanggungjawab patut lebih tegas dan 'keras' dalam membanteras dadah. Para penjual dadah sama ada pembekal atau pengedar perlu dijatuhkan hukuman yang berat seperti gantung sampai mati atau sebat sebanyak 100 kali. Hukuman yang diterima oleh mereka akan dapat membuka mata orang yang baru mencuba dadah. Mereka akan berasa ketakutan untuk melakukan perbuatan yang keji itu. Kesimpulannya, tiada siapapun yang boleh menafikan bahawa dadah itu memang musuh kepada setiap insan yang bernyawa andai kata ia disalahgunakan. Kesan-kesan penyalahguna dadah boleh memusnahkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, bersama-samalah kita menjauhi masalah ini dengan mengatakan 'Tidak' kepada dadah.

Sama-sama ambil peranan

Oleh :
 Dayang Nurhusna Rasyiqah binti Mohd Salleh (Kategori Awam)

MASALAH penyalahgunaan dadah adalah masalah global dan bukannya masalah negara kita sahaja. Mengikut statistik daripada Biro Kawalan Narkotik, bilangan penyalahgunaan dadah semakin meningkat dari setahun ke setahun dan yang banyak terlibat golongan belia Melayu Islam. Kenapa perkara seumpama ini berlaku? Dalam hal ini kita tidaklah perlu menuding jari menyalahkan orang lain, yang penting kita hendaklah sama-sama mengambil peranan untuk mengatasi masalah ini. Peranan ibu bapa mestilah memelihara dan mendidik anak-anak dengan sebaiknya supaya menjadi anak soleh dan solehah. Anak-anak hendaklah dididik sejak dari kecil lagi kerana di peringkat ini mudah untuk

dibentuk seperti perumpamaan 'kalau melentur buluh biarlah dari rebungny'. Jika anak-anak dididik dengan baik sudah tentu akan menjadi baik semuanya termasuk tidak akan terjebak pengedar atau penyalahgunaan dadah Insya Allah. Manakala guru-guru atau pengajar-pengajar pula hendaklah mengajar anak didik mereka masing-masing sebagai kesinambungan daripada pendidikan tidak formal. Di samping mengajar mengikut sukatan pelajaran tertentu, guru-guru atau pengajar-pengajar hendaklah juga mengajar dari aspek moral dan akhlak yang baik dan mulia. Sebagai misal diperjelaskan bahawa mengedar dan menyalahgunakan dadah itu bukan sahaja berdosa malahan boleh mendatangkan

ANAK-ANAK hendaklah dididik sejak dari kecil lagi kerana di peringkat ini mudah untuk dibentuk seperti perumpamaan 'kalau melentur buluh biarlah dari rebungny'. Jika anak-anak dididik dengan baik sudah tentu akan menjadi baik semuanya termasuk tidak akan terjebak pengedar atau penyalahgunaan dadah Insya Allah.

Hindari dadah, cegah jenayah sebelum parah

Oleh :
 Dayang Hajah Suzlinawati binti Haji Mohin (Kategori Awam)

MENJALANI kehidupan di era globalisasi dan teknologi masa kini, isu 'Dadah' amatlah mudah diketahui umum di seluruh dunia termasuk di negara kita. Cabaran-cabaran semakin bertambah, walaupun telah banyak pendidikan dan kesedaran membasmi dadah dilakukan pihak-pihak berwajib namun masih banyak individu-individu yang terjerumus dengan pengaruh dadah.

Menurut berita-berita yang disiarkan berikutan isu penagihan dan pengedaran dadah, bermacam-macam taktik telah dilakukan penjenayah-penjenayah, terbaru mengenainya ialah taktik pengedaran dadah dilakukan oleh satu kumpulan tertentu yang menasaskan wanita-wanita untuk dijadikan 'keldai dadah'. Penjenayah ini sangat bijak membuat perancangan teliti dengan menggunakan internet sebagai laluan menggoda wanita-wanita, mangsa dijanjikan kemewahan-kemewahan dan wang ringgit sebagai umpan sebelum diugut dan dipaksa menjadi 'keldai' membawa dadah-dadah keluar dan masuk ke dalam negara untuk diedarkan. Inilah salah satu sindiket pengedaran dadah antarabangsa. Apabila jenayah dihidu pihak berkuasa, wanita terbabit menghadapi risiko sama ada dipenjarakan atau menerima hukuman mati. Perkara ini sebagai contoh berbahaya, serius, membimbangkan dan ditakuti akan melibatkan anak-anak atau keluarga kita sendiri.

Antara fakta-fakta kebanyakan individu terjebak adalah kerana menghadapi tekanan yang tinggi, masalah kewangan tidak mencukupi, desakan hidup, remaja-remaja terbiar dan kurangnya pengetahuan tentang bahaya dadah serta kurang didikan agama.

Para ibu bapa memainkan peranan penting dalam memantau aktiviti anak-anak mereka dari kecil hingga dewasa, kerana mereka sangat memerlukan, didiklah mereka mendalami ilmu agama, mendorong melakukan aktiviti berfaedah, memberikan sokongan dan moral, di samping mendengar masalah yang mereka hadapi. Individu dewasa sendiri pula perlu berusaha meningkatkan kemajuan diri, menjalankan tanggungjawab secara dedikasi, bijak menangani masalah, bersedia untuk tabah menghadapi cabaran dari segi mental dan fizikal. Manakala masyarakat berperanan bersatu padu dalam menjaga kesejahteraan, keharmonian, keselamatan awam, peka dengan apa yang terjadi di persekitaran dan bersiap sedia memberikan kerjasama serta membantu pihak berkuasa mencegah jenayah.

Oleh itu, dalam hal ini, para ibu bapa memainkan peranan penting dalam memantau aktiviti anak-anak mereka dari kecil hingga dewasa kerana mereka sangat memerlukan, didiklah mereka mendalami ilmu agama.

Semua ini adalah tanggungjawab yang perlu digalas sebagai usaha kita semua membasmi dadah dan menyokong kempen 'No Drugs At All' di negara ini.

berbagai-bagai keburukan seperti kehidupan tidak tentu arah, keluarga berpecah belah, mengundang penyakit, kehilangan nyawa dan dikenakan hukuman denda atau penjara.

Bagi pihak yang berkuasa, seperti Biro Kawalan Narkotik, hendaklah sering memperingatkan secara berterusan kepada semua lapisan masyarakat mengenai akibat dan hukuman pengedar dan penyalahgunaan dadah, hendaklah sentiasa diadakan taklimat-taklimat, pameran-pameran, diperingatkan di dalam khutbah Jumaat, promo-promo atau iklan-iklan televisyen, dimasukkan dalam surat khabar, diadakan peraduan-peraduan dan sebagainya. Dengan yang demikian itu secara tidak langsung akan sentiasa mengingatkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, yang amat penting ialah keimanan dan ketakwaan serta kesedaran setiap individu itu sendiri. Jika mereka benar-benar beriman dan sedar bahawa terjebak di dalam kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah itu adalah sangat-sangat merugikan, setentunya mereka akan menghindarkannya sejauh-jauhnya. Hindari dadah haram, semuanya akan selamat dan sejahtera.

سرداه سري

جاغن ترفعاروه دغن كومقولن قعكانس

ماريله كيت منيكنكن كنفوان كيت كغد الله سبحانه وتعالى دغن تفسير:

تفسير:

تيدفكه اُغكو فرهاتيكن (واهي ني محمد)، اورغ ۲ يغ دكانكن كغد مريك: " تاهنله تاغن كامو (درغد ملنجر كن فقراغن)..."

دان فراغيله فد جالن الله اورغ ۲ يغ مراغي كامو دان جاغنله كامو ملمفاوي باتس. سسغكوهن الله تيدق سوك كغد اورغ ۲ يغ ملمفاوي باتس.

فنهو كيقين دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيكنكن سكل لاراغنن. مدهمدهنن كيت منجادي انسان يغ برلمان دان برتقوى سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

جهاد مستيله دقيمين اوله كتوا يغ عالم اتو درجوع كغد فارا علماء. اين كران تنزا يغ برجهاد فرلو مغنهوي بيلاكه فقراغن ايت واجر دتروسكن، بيلاكه فول فردامين فرلو دترنما، باكيما مغيروس تاوانن دان هرت رمقاسن سرت باكيما فول منكفن حكوم سلفس كمنغن. سموان اين تله دسدياكن فندوان دالم القرآن دان حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم.

المحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران دتديركن مسلمين يغ درحمي الله، جهاد مقويلاي مقصود يغ لواس. جهاد اداله اوسها يغ كيكيه دان برسغكوه ۲ دان تيدق سمستين مباوا كغد فقراغن اتو فرمفوران. اين كران، اوسها يغ كيكيه دان برسغكوه ۲ في سبيل الله دافه داوسهاكن ملالوي جالن يغ امان لاكي عادل دان بوكنن كانس دان ظالم.

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران دتديركن مسلمين يغ درحمي الله، جهاد مقويلاي مقصود يغ لواس. جهاد اداله اوسها يغ كيكيه دان برسغكوه ۲ دان تيدق سمستين مباوا كغد فقراغن اتو فرمفوران. اين كران، اوسها يغ كيكيه دان برسغكوه ۲ في سبيل الله دافه داوسهاكن ملالوي جالن يغ امان لاكي عادل دان بوكنن كانس دان ظالم.

اسلام منتوت كيت برسيف سدرهان والوفون دالم سواسان فقراغن. دالم ساتو روايه اوله امام مسلم دان ابو داود دجريتاكين بهوا اسامة بن زيد برسام سنورغ صحابه انصار تله برجاي مغفورغ سنورغ موسه. تيبا ۲ موسه ايت بركات: "لا اله الا الله". اين مبيكن للاكي انصار ايت برهني دري مبرغ. منكلا اسامة فول تروس مبرغ دغن تومبق هيغك موسه ايت تربونه. اقبيل حال ايت دجريتاكين كغد رسول الله صلى الله عليه وسلم، بكندا ماره دان بركات: اداكه اُغكو مبنوهن سته دي مغوجف "لا اله الا الله؟" اسامة ميريكن الاسن بهوا للاكي ايت هان برليندوغ دغن اوجاغن ايت. نامون بكندا صلى الله عليه وسلم تروس مغولغ ۲ سيدان: اداكه اُغكو مبنوهن سته دي مغوجف "لا اله الا الله؟" اخيرن اسامة مراس كسل سكال ايس تيندقن ايت.

جسترو، اومه اسلام دنكارا اين جاغنله موده ترفعاروه دان تعصوب انتوق مغيكوت مان ۲ كومقولن ميلين. فرلو دايعه، برجواغ دان مفرتاكنن كسوجين اكلام تيدق برمعني سسورغ ايت مسي مغكونان سنجات دان ملتوفكن ديري. سسغكوهن تيندقن مبنوه ديري مغكونان بوم دان مبيكنن سباكي جهاد اداله ساله، له ۲ لاكي بيلا تيندقن ايت مبيكن اورغيغ تيدق برساله توروب ترفريان.

سسغكوهن كامانن اداله ساتو فركارا يغ ساعه فنتيغ دالم كهيدوفن مانسي سماء باكي ايندييدو اتو مشاركة. كامانن برارتي كيت بيس دري بهيا، بيس دري كجاهن، كجلاكان دان لاين ۲. اين ترماسوقله كامانن دالم اسقيق كنكاران، ككلواركان، سوسيو ايكونومي دان سباكين.

حديث ترسوت منجوفكن بهوا جهاد ايت مملوكن علم. سماعة يغ بركوبر ۲ تنفا علم اكن مندوروغ انتوق ملاكوكن ككرسن دان ملمفاو سرت مغكونان حجه دري آيات ۲ القرآن سجارا ظاهر تنفا مروجوع كغد هوراي دري حديث دان تفسيران فارا علماء.

اداله منجادي تغكوغجواب ايندييدو، كلوارك دان مريك يغ دسكيليج انتوق ممانتاو فرلاكووان ماسيغ ۲، انتوق تيدق موده ترفعاروه دغن فرجواغن سبكي. جاغنله كيت جاديكن نكارا كيت قعكالن انتوق ميلين. سباكيما دكتهوي بهوا اُتارا جالن اتو جارا كومقولن ميلين ايت مبيركن كرقن كومقولن مريك ايناله ملالوي مديا سوشال . اوله ايت ايوباف هندقله مماناي دان مغاوسي اُتق ۲ مريك كتيك ملايري اينترنيت دان كتهويله دغن سيف مريك بركاون اكر اُتق ۲ ترفلپهارا دري ترفعاروه اتو ترفداي دغن كرقن كومقولن ترسوت.

اوله ايت، اسلام منلق اف جوا كرقن فلمفاو يغ مغكونان ككرسن، فمبنوهن دان فقراغن يغ مغكوكت كامانن نكارا. سلاكو رعية دان فندودوق دنكارا اين، كيت هندقله مفرتاكنن كامانن نكارا كيت. جاغنله كيت موده ترفعاروه دغن فوجوق رايو فيقن فلمفاو يغ مغكونان نام اسلام يغ مغاغن اُتوق مبرتي كومقولن مريك ايت.

اخيرن، سام ۲ له كيت بردعاء اكر نكارا كيت ككل دالم كادان يغ امان معمور. سموك الله سبحانه وتعالى ميريكن فرتولوغن كغد كيت سموا انتوق مغجودكن دان مبيركن كدامين دموك بومي اين دان دهيندركن دري برباكي بتوق كجاهنن دان كظالين. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! اقبيل كامو فركي (برفرغ) فد جالن الله مك سليديكيه (اف جوا فركارا دغن سبايك ۵۲)، دان جاغنله كامو تربورو ۲ مغاكنن كغد اورغيغ مغوجفن سلام: " اُغكو بوكن اورغ يغ برلمان، " (لالو كامو مبنوهن) دغن توجوان هندق مندافه هرت بندا كهيدوفن دنيا كران ديسيبي الله ادسدياكن ليمفه كرنيا يغ باق.

القرآن معاجر كيت بهوا جهاد فقراغن مملوكن علم، دان اومه اسلام يغ برجهاد جوك فرلو دلغكفن دغن علم، جسترو سماعة انتوق برجواغ سهاج تيدق جوكوف انتوق منروسكن جيتا ۲ مورني ايت. الله سبحانه وتعالى تيدق تروس مواجيكن جهاد فرغ كتيك اومه اسلام دتندس اوله موسه. اد كتيك دفرينتهكن برفرغ دان اد كتيك دسوروه برصير، سباكيما فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء آية ۷۷:

سباكيما يغ كيت معلوم ملالوي مديا ماس بهوا فد ماس اين تردافه كومقولن ميلين يغ سدغ بركية اكثيف ملاكوكن ككانسن سقرت منجوليك دان ملاكوكن فمبنوهن سجارا كحم دغن براغكفن اف يغ مريك لاكوكن ايت سباكي جهاد. برمودلكن سلوكن جهاد ترسوت، كومقولن اين تله برجاي مناريك اُتق ۲ مودا اسلام سلوروه دنيا. مجوري يغ ترفعاروه مبرتي كومقولن ميلين اين اداله مريك يغ برلاتر بلاكفن فنديدين اكلام. موغكين دسبيكن جنجي شرك كغد مريك يغ ماني شهيد كران برجواغ دجالن الله، كولوغن اين موده ترفعاروه دغن فوجوقن دان جنجي والوفون هان بركومنيكاسي ملالوي لامن سوسيال.

ميمغ بنر برجهاد ايت بسر كنجارنن. فرسوالنن، اداكه بنر تيندقن كرقن ترسوت بوله دكتيكوريكن سباكي جهاد؟ اف يغ كيت ثفق كرقن ترسوت له كغد كومقولن ميلين يغ برجواغ مغاكة سنجات دمي منجاي متلامت مريك مغكوليفكن كراجان يغ مريك تيدق سوك. كتهويله بهوا جهاد دالم اسلام تيدق سكال ۲ اكن مبنوه سسوك هاتي، له ۲ لاكي حك مبنوه سنام اسلام.

والوفون اسلام مغاغن اومتن برفرغ منكفن سرت مفرتاكنن اكلام، مرووه دان هرك ديري، اسلام تيدق مغاينكن اومتن برمهراج ليلا دميدن فقراغن. اسلام مغاول دان مغاغر اومتن اكر نيلاي ۲ كلوهوران دان اخلاق تنف دفاوهي والوفون دالم فقراغن. اين جلس سباكيما فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة آية ۱۹۰:

KPK 2015 / 16 : Kaji perbelanjaan keluarga terkini

1. Apakah dia Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK)?

Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) ialah satu kajian yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri yang meliputi keluarga-keluarga yang terpilih sahaja di seluruh negara.

2. Apakah tujuan kajian ini?

Kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai dengan corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga di Negara Brunei Darussalam.

3. Bilakah kajian ini dijalankan?

Kajian ini dijalankan setiap lima (5) tahun sekali. KPK terdahulu ialah pada tahun 2010 / 11.

KPK yang dijalankan ketika ini telah bermula 1 April 2015 dan akan dijalankan selama satu tahun hingga 31 Mac 2016. Tempoh 12 bulan diperlukan bagi kajian ini untuk memastikan variasi perbelanjaan bermusim seperti musim perayaan, awal persekolahan dan cuti sekolah diambil kira.

4. Keluarga saya telah terpilih bagi kajian ini, tetapi jiran saya tidak terpilih. Bagaimanakah pemilihan dibuat?

Liputan bagi KPK 2015 / 16 ditentukan secara sampel sahaja. Beberapa kampung / kawasan telah dipilih di setiap daerah dan hanya sebilangan tempat kediaman dan keluarga dari kampung / kawasan tersebut akan dipilih secara rambang untuk diliputi semasa KPK 2015 / 16.

5. Untuk berapa lamakah keluarga saya akan terlibat dalam kajian ini?

Setiap keluarga terpilih akan terlibat dalam kajian ini untuk tempoh satu bulan sahaja, di mana awda adalah dikehendaki



GAMBAR HIASAN ... Corak perbelanjaan keluarga perlu kepada kajian terkini untuk mendapatkan perbandingan dengan hasil kajian yang terdahulu dalam corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga di negara ini.

Oleh: Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi
Foto: Jabatan Penerangan

untuk mencatat semua perbelanjaan harian oleh setiap ahli keluarga dan juga pendapatan yang diterima di dalam bulan berkenaan.

6. Keluarga saya telah pernah terpilih untuk kajian yang dikendalikan oleh JPKE sebelum

ini. Bagaimanakah keluarga saya terpilih lagi?

Pemilihan kampung / kawasan dan juga keluarga ditentukan secara sistematik mengikut prosedur pensampelan rambang. Oleh yang demikian, terdapat kemungkinan bagi sesebuah keluarga itu untuk

terpilih sekali lagi dalam kajian seterusnya.

7. Bolehkah keluarga saya digantikan dengan keluarga lain?

Apabila sesebuah keluarga telah dipilih untuk kajian ini, ia tidak boleh digantikan oleh keluarga lain. Itulah sebabnya kerjasama dari semua keluarga terpilih amat diperlukan supaya maklumat yang dikumpulkan mencapai tahap liputan dan kualiti yang telah ditetapkan untuk memberikan gambaran

sebenar bagi semua keluarga di seluruh negara.

9. Bagaimanakah kajian ini dilaksanakan?

Sebelum bulan kajian bermula, pegawai-pegawai kajian yang dilantik akan mengunjungi rumah keluarga terpilih untuk menerangkan mengenai kajian ini dan menunjuk ajar cara-cara membuat catatan harian ke dalam Buku Catatan Keluarga (BCK).

Sepanjang bulan kajian, mereka akan membuat lawatan untuk menjalankan temu duga dan memeriksa segala catatan harian yang telah dibuat. Pegawai-pegawai kajian akan juga membantu awda jika mempunyai masalah atau kesulitan dalam membuat catatan harian perbelanjaan dan pendapatan.

10. Bagaimanakah saya dapat memastikan pegawai kajian yang datang adalah yang dilantik oleh JPKE?

Sebagai pengesahan lantikan, setiap pegawai kajian akan membawa bersama surat lantikan masing-masing. Mereka juga akan memakai Pas Pegawai Kajian KPK 2015 / 16. Awda juga boleh meminta untuk memeriksa Kad Pengenalannya mereka bagi mengesahkan identiti pegawai kajian berkenaan.

11. Adakah maklumat saya akan dirahsiakan?

KPK 2015 / 16 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Setiap pegawai kajian yang dilantik telah mengangkat sumpah untuk menyimpan segala maklumat yang diperolehi sebagai sulit dan rahsia dan tidak akan mendedahkan kepada sesiapa yang tidak berkenaan.

Hasil dari kajian ini akan dikeluarkan oleh JPKE secara agregat sahaja.

12. Apakah kegunaan hasil dari kajian ini?

Hasil dari kajian ini akan memberikan maklumat perbelanjaan dan pendapatan keluarga yang lengkap dan terkini. Perbandingan dengan hasil kajian yang terdahulu akan dapat menunjukkan perubahan dalam corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga di negara ini.

Hasil kajian ini juga akan digunakan bagi mengemaskini senarai barangan dan perkhidmatan untuk Indeks Harga Pengguna (IHP) yang memberikan pengiraan kadar inflasi.

Selain itu, hasil dari KPK juga digunakan oleh pelbagai pengguna termasuk sektor swasta, pakar akademik, para ilmuwan, penyelidik, penuntut-penuntut dan orang ramai bagi berbagai-bagai tujuan dan kegunaan masing-masing.

13. Jika saya mempunyai sebarang pertanyaan, siapakah yang boleh saya rujuk?

Awda boleh menghubungi pegawai-pegawai JPKE melalui talian 2233344 sambungan 224, atau 2230250.

Awda boleh juga melayari laman sesawang kami di www.depd.gov.bn atau menghubungi kami melalui e-mel : info.statistics@jke.gov.bn.



GAMBAR HIASAN ... Kajian Perbelanjaan Keluarga dijalankan dalam tempoh setahun untuk mendapatkan variasi perbelanjaan pada waktu bermusim seperti pada bulan Ramadan, waktu-waktu perayaan, musim cuti persekolahan dan sebagainya.

PSN forum cendekiawan, sasterawan, budayawan serantau



PENGARAH DBP, Dayang Hajah Aminah menyampaikan sijil kepada wakil peserta-peserta yang menghadiri Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mei. - Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) Ke-18 Tahun 2015 berakhir dengan Majlis Makan Malam dan Penyerahan Resolusi serta sijil.

Majlis Penutup Pertemuan yang berlangsung di Hotel Centrepont, Gadong, di sini disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.

Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah, selaku Pengerusi Bersama PSN semasa berucap pada majlis tersebut antaranya menyentuh mengenai tema PSN kali ini iaitu 'Ketahanan Nasional dan Keterampilan Sastera Nusantara : Muda Omar 'Ali Saifuddin Memperteguh Konsep Melayu Islam Beraja' yang menurutnya telah berjaya dilaksanakan berkat kerjasama padu semua jawatankuasa pertemuan.

Beliau percaya, pertemuan tersebut masih relevan sebagai sebuah forum cendekiawan, sasterawan dan budayawan serantau untuk bertemu

dan bersemuka secara langsung serta dapat bertukar fikiran mengenai budaya di negara masing-masing.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat dan penyerahan resolusi dan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat.

PSN antaranya bertujuan untuk menekankan kembali fungsi sastera terutama dalam memelihara ketahanan nasional demi melahirkan masyarakat yang bersatu padu, harmoni, sejahtera dan rukun damai dalam sesebuah negara, di samping memberikan peluang kepada para peserta untuk berkumpul, berinteraksi serta bertukar fikiran mengenai isu-isu semasa dalam bidang bahasa, sastera, budaya dan penulisan kreatif.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran jati diri penulis, kepentingan konsep keindahan dan nilai-nilai estetik universal yang diharap akan melahirkan karya yang berkualiti pada peringkat serantau mahupun



PENGARAH DBP, Dayang Hajah Aminah hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Penutup Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18.

antarabangsa selain mengetahui karya-karya sastera Nusantara yang berkualiti daripada pelbagai sudut pemikiran dan keindahan.

Melalui PSN ini, ia diharap dapat meningkatkan kerjasama antara persatuan dan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa demi

memperluaskan ruang gerak dan wawasan para sasterawan yang menyertai pertemuan ini ke arah memperkukuh dan memantapkan.

Rombongan MGBKDMT lawat BPK

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Jun. - Seramai 17 orang dari Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Daerah Melaka Tengah (MGBKDMT), Malaysia mengadakan lawatan ke Bahagian Perkhidmatan Kaunseling (BPK), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Pengarah BPK, Awang Mohammad Murad bin Haji Paijin dan diteruskan dengan taklimat mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab, sejarah penubuhan dan tatacara rujukan BPK yang disampaikan oleh Pegawai Kaunselor Kanan, Dayang Noreamsiah binti Haji Mohammad Hussin.

Lawatan tersebut bertujuan mendedahkan para rombongan kepada ilmu dan pengalaman perkhidmatan kaunseling di negara ini serta untuk menambah ilmu dan

pengalaman kaunseling di luar negeri.

Program ini dilaksanakan selaras dengan matlamat pelan strategik BPK. Pada tiga tahun kebelakangan, BPK telah menunjukkan

peningkatan dalam pelaksanaan program-program berkenaan.

Pada akhir lawatan, rombongan telah berkesempatan untuk meninjau dan melawat pejabat sambil beramah mesra dengan pegawai-pegawai di bahagian tersebut.



PENGARAH Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, JPA, Awang Mohammad Murad bin Haji Paijin semasa memberikan cenderahati kepada wakil rombongan.

Sastera rakyat membina insaniah, membentuk sahsiah



ANTARA pembentang kertas kerja pada hari kedua Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18 ialah Pensyarah Kanan, Program Bahasa, Kesusasteraan dan Kesenian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Awang Ali

BERAKAS, Sabtu, 30 Mei. - Negara Brunei Darussalam memang kaya warisan budayanya dan sastera lisannya, seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan sebagainya dan ini juga termasuk nyanyian rakyat khususnya lagu-lagu tradisi kanak-kanak Brunei yang amat popular dan diminati ramai hingga ke hari ini.

Peranan sastera rakyat khususnya nyanyian rakyat Bunei, selain sebagai hiburan, ianya juga dapat membina insaniah, membentuk sahsiah dan membantu dalam perkembangan kanak-kanak.

Hal ini amat bertepatan dengan konsep membina modal insan yang berpaksikan Melayu Islam Brunei (MIB), sebagaimana yang diharapkan oleh semua, untuk melihat

warganya sebagai aset yang berguna, berkualiti dalam menyumbang pada perkembangan, kemajuan, ketahanan serta pembangunan negara.

Perkara tersebut terkandung di dalam pembentangan kertas kerja bertajuk 'Nyanyian Rakyat Brunei dalam Hubungan Perkembangan Sahsiyah Kanak-Kanak' oleh Pensyarah Kanan, Program Bahasa, Kesusasteraan dan Kesenian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Ramlee bin Haji Tinkong pada hari kedua berlangsungnya Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) Kali Ke-18 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Lagu kanak-kanak Brunei juga

katanya, membawa mesej positif dalam diri kanak-kanak iaitu seperti mesej Islam, taat kepada Allah, nasihat, pendidikan, nilai-nilai murni, taat kepada ibu bapa, menyemai rasa kasih sayang dan mencintai keindahan alam.

Jelasnya, antara fungsi dan peranan lagu kanak-kanak Brunei ini antaranya ialah bagi mendodoikan anak, sebagai hiburan, membangkitkan semangat semasa melakukan pekerjaan dan juga mendidik dan nasihat.

PSN yang diadakan setiap dua tahun sekali secara bergilir-gilir di Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura itu memberikan ruang kepada para sasterawan, penulis, bahasawan dan peminat sastera Nusantara meningkatkan kerjasama antara persatuan dan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa demi memperluas ruang

gerak dan wawasan para sasterawan yang menyertai pertemuan ini terutama untuk terus memperkukuh dan memantapkan falsafah atau konsep negara masing-masing.

Selain itu, PSN juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran jati diri penulis, kepentingan konsep keindahan dan nilai-nilai estetik universal yang diharap akan melahirkan karya berkualiti pada peringkat serantau mahupun antarabangsa.

PSN kali ini dianjurkan oleh Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PEMBENTANG kertas kerja dari Republik Indonesia, Free Hearty.



ANTARA yang hadir pada hari kedua Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18.

Pertandingan Sains, Matematik Olimpiad tingkatkan kapasiti intelektual pelajar

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mei. - Pertandingan Sains dan Matematik Olympiad bagi Peringkat Nasional 2015 memberikan motivasi

Warga asing ditangkap ketika OPS Langkah



TIGA kerton dan 11 kotak kecil rokok pelbagai jenama yang dijumpai dalam empat buah beg semasa tangkapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mei. - Ahli Pasukan Simpanan Kompeni 'C' seramai enam orang yang menjalankan 'OPS Langkah' telah berjaya membuat tangkapan seorang lelaki warga asing berumur 29 tahun yang cuba menyeludup masuk barang-barang tegahan ke negara ini.

Tangkapan dibuat di kawasan ladang padi Kampung Bebuloh. Dalam operasi tersebut, tiga orang rakan yang ditangkap berjaya melarikan diri.

Semasa tangkapan dibuat, empat buah beg yang dijumpai mengandungi tiga kerton dan 11 kotak kecil rokok jenama Era berwarna biru.

Manakala barang-barang yang diperolehi semasa tangkapan adalah kelengkapan untuk menoreh kayu gaharu seperti pelbagai jenis ubat-ubatan, sebilah pisau, pakaian, makanan, dua biji telefon bimbit, senaskah buku catatan, tiga buah lampu suluh, 33 butir peluru 'shot gun', sepucuk senapang patah yang dipercayai buatan sendiri dan sepucuk senjata yang menyerupai Senjata M16 Colt Carbine.

Pasukan Polis Diraja Brunei menasihatkan orang ramai supaya tidak terlibat dengan aktiviti penyeludupan dan jika melihat atau mendapati sebarang aktiviti mencurigakan di kawasan sempadan hendaklah melaporkan ke talian kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.

Operasi Sepadu cegah sebarang jenayah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas dan Balai Polis Limau Manis telah mengadakan Operasi Sepadu bersama dengan Jabatan Pengangkutan Darat di kawasan Jalan Kuala Lurah.

Pada operasi tersebut seramai 35 anggota telah terlibat dengan mengambil masa kira-kira 90 minit dan berjaya mendapatkan dua kes kompaun selepas melakukan 'Stop & Search' terhadap 45 buah kenderaan.

Operasi antara lain bertujuan bagi pencegahan jenayah dan mengurangkan kadar kesalahan-kesalahan lalu lintas selain bagi memantau sebarang bentuk pengubahsuaian ke atas kenderaan terutama sekali kenderaan dari negara jiran yang memakai cermin gelap (tinted glass), di samping diterangkan mengenai larangan pemakaian cermin gelap termasuk kereta dari negara jiran.



PEMANGKU Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Dayang Sarimah binti Abu Bakar menyampaikan ucapan alu-aluan.

kepada para pelajar dalam meningkatkan kapasiti intelektual dan kemahiran berfikir bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

Seramai enam pelajar berjaya

merangkul pingat emas, 10 pelajar memperoleh pingat perak dan 14 pelajar menerima pingat gangsa yang masing-masing diperolehi bagi Kategori 'Primary School Mathematics Olympiad (PSMO) 2015' dan 'Primary School Science Olympiad (PSSO) 2015' pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pertandingan Sains dan Matematik Olimpiad bagi Peringkat Nasional 2015 di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, petang tadi.

Sementara bagi Kategori 'Secondary School Mathematics Olympiad (SSMO) 2015' dan 'Secondary School Science Olympiad (SSSO) 2015' pula, para pelajar berjaya mendapat enam pingat emas, 10 pingat perak dan 14 pingat gangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat dan sijil ialah Pemangku Penolong Pengarah Peperiksaan, Awang Ali Hazis bin Haji Mohd. Tahir selaku wakil peribadi Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Kamillah binti Haji Daud.

Terdahulu, Pemangku Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Dayang Sarimah binti Abu Bakar menyeru para pelajar supaya akan terus berusaha meningkatkan tahap pencapaian dalam pendidikan.

Jelasnya, dengan pendidikan, para pelajar akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara, di samping menjadikan diri setiap pelajar itu contoh terbaik kepada para pelajar yang lain.

Pusat STEP menganjurkan pertandingan tersebut sejak tahun 2003 yang mana akan dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan kreativiti, pemikiran kritikal dan analitik selaras dengan peranan utama dan inisiatif pusat itu untuk memupuk kemahiran Abad Ke-21 melalui pendidikan Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Matematik (STEM).

Melalui pertandingan tersebut akan dapat mencungkil bakat dan minat para pelajar sekolah rendah dan menengah dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.

Rondaan cegah jenayah di RPN Lambak Kanan



AHLI Pengawasan Kejiranan dan anggota polis dari Balai Polis Berakas yang turut serta menjalankan rondaan di kawasan Kampung RPN Lambak Kanan Dua bergambar ramai.

Berita dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pasukan Polis Diraja Brunei bersama dengan Penduduk Kampung Perpindahan Lambak Kanan Kawasan 2 telah mengadakan rondaan pencegahan jenayah pada hari Jumaat, 29 Mei 2015.

Turut serta menjalankan rondaan ialah 17 ahli penduduk diketuai oleh

Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Lambak Kanan, Ketua Kampung Awang Haji Basir bin Abu Bakar dan 12 orang anggota polis diketuai oleh ASP Norkhatijah binti Haji Zainal daripada Balai Polis Berakas.

Taklimat bersama Ahli Pengawasan Kejiranan serta rondaan bermula pada pukul 9 malam sehingga 12 tengah

malam.

Adalah disarankan kepada penduduk-penduduk rumah untuk memastikan keadaan di sekeliling kawasan rumah diterangi dengan cahaya lampu bagi mengelakkan berlakunya jenayah pecah rumah pada malam hari.

Dinasihatkan juga kawasan rumah supaya dalam keadaan bersih daripada semak agar kawasan lebih terbuka dan tidak terlindung.

IHP April meningkat berbanding Mac 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mei. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April 2015 meningkat 0.2 peratus berbanding Mac 2015.

Peningkatan sebanyak 0.9 peratus telah dicatatkan bagi Pengangkutan disebabkan oleh kos yang tinggi bagi alat ganti dan aksesori kenderaan serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah

juga meningkat sebanyak 0.3 peratus berikutan disebabkan oleh peningkatan kos bagi kebanyakan perabot dan perhiasan, tekstil isi rumah, peralatan isi rumah, barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah serta barangan isi rumah yang tidak tahan lama.

Rekreasi dan Kebudayaan meningkat sebanyak 0.3 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi peralatan audio-visual, media rakaman

tanpa rekod, majalah dan bahan bacaan lain serta pakej percutian dan umrah.

Sementara itu, penurunan sebanyak 1.4 peratus telah dicatatkan bagi Indeks Kesihatan disebabkan oleh kos yang rendah bagi penyediaan perubatan dan ubat yang berpaten.

Pakaian dan Kasut juga menurun sebanyak 0.4 peratus disebabkan oleh harga yang rendah bagi fabrik kain serta pakaian dan baju.

Pelbagai Barangan dan

Perkhidmatan menurun sebanyak 0.2 peratus secara keseluruhan disebabkan oleh kos yang rendah bagi barangan bukan elektrik bagi penjagaan diri, produk kecantikan serta lain-lain perkhidmatan.

IHP bagi April 2015 menurun 0.3 peratus berbanding April 2014 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Pengangkutan; Pakaian dan Kasut; dan Pendidikan.

IHP ini adalah petunjuk bagi

mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan April 2015 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.

Kekukuhan keluarga penyumbang pembangunan negara

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

KAMPUNG PUTAT, Ahad, 31 Mei. - Sikap kekeluargaan perlu dipupuk dan diperkukuhkan kerana keluarga adalah penyumbang kepada pembangunan negara.

Kekuatan dan keutuhan sesuatu masyarakat serta segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di peringkat keluarga sudah pasti akan memberi kesan di peringkat masyarakat dan negara.

Ahli-ahli keluarga terutamanya generasi muda merupakan potensi

serta aset besar yang perlu dipupuk dan dibangunkan serta dididik kerana mereka boleh menyumbang ke arah kemajuan negara pada masa hadapan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan demikian semasa melancarkan Majlis Sambutan Hari Keluarga Majlis Perundingan Kampung (MPK) Putat Tahun 2015 di Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

Dr. Awang Haji Abdul Manaf berkata, masyarakat masa kini sering menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam bentuk sebuah keluarga yang aman dan harmoni.

Perubahan budaya hidup dan pengaruh media massa serta persekitaran luaran jelasnya sedikit sebanyak memberi kesan terhadap pembangunan keluarga.

"Ciri-ciri sikap yang kurang sihat seperti sikap mementingkan diri sendiri, membelakangkan keluarga dan masyarakat serta sifat tidak peka kepada keadaan sekeliling perlulah dihindari yang mana bukan saja memberi impak negatif kepada sesebuah keluarga malah boleh meruntuhkan keharmonian dan kesepaduan masyarakat," ujarnya.

Justeru itu, bagi mengatasi gejala-gejala negatif ini jelas beliau, usaha-usaha perlu dilakukan untuk melengkapi masyarakat kita meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kebolehan mereka mewujudkan ahli keluarga yang sihat, berkualiti dan produktif.

Jelasnya, ibu bapa sebagai pendidik utama anak-anak perlu mempelajari kaedah bagi menangani situasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak.

Tambahnya, strategi komunikasi yang menjalinkan hubungan yang rapat dengan anak-anak, di samping menumpukan penekanan ke atas cara-cara perubahan tingkat laku, perlulah dipelajari, dihayati dan dipraktikkan dengan penuh

kesungguhan.

"Kita mahukan masyarakat yang bertanggungjawab, bertimbang rasa, taat, sopan, berdaya tahan, matang dan penyayang. Kualiti-kualiti unggul inilah yang boleh membawa kecemerlangan kepada generasi akan datang, kepada keluarga, masyarakat dan negara," ujar Dr. Awang Haji Abdul Manaf.

Sejurus melancarkan tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Pemimpin Kampung Berjasa dan sijil kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Putat bagi tahun 2012 hingga 2017 dan sijil Program Pengurusan Risiko Bencana peringkat masyarakat yang telah diadakan pada 8 dan 9 Oktober 2013.

Majlis turut diselenggarakan dengan membaca Doa Kesyukuran sempena kejayaan MPK Putat ke peringkat akhir Anugerah Kampung Cemerlang bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011-2012 dan 2013-2014.

Tetamu kehormat kemudiannya dibawa melawat ke pondok-pondok dan gerai jualan yang masing-masing menghidangkan juadah makanan beraneka jenis mengikut kampung-kampung iaitu Kampung Putat, Kampung Baong dan Kampung Pengkalan Batang.

Majlis Sambutan Hari Keluarga MPK Putat akan diadakan bermula hari ini hingga esok dan diisikan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan acara bercorak keagamaan, aktiviti sukan santai, peraduan



SETIAUSAHA Tetap KHEHN, Dr. Awang Haji Abdul Manaf berucap semasa melancarkan Majlis Sambutan Hari Keluarga MPK Putat Tahun 2015 di Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

memasak serta gerai jualan.

Sambutan Hari Keluarga Kampung Putat kali ini merupakan yang pertama diunkayahkan bersama MPK Putat dan Majlis Takmir Masjid Kampung Putat yang antara lain bertujuan bagi mengukuhkan institusi keluarga khususnya Kampung Putat kerana institusi keluarga adalah penting bagi membentuk sebuah masyarakat kampung, mukim, daerah dan negara.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEHN), Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Keluarga Majlis Perundingan Kampung Putat Tahun 2015.

63 peserta bengkel terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mei. - Seramai 63 peserta (27 lelaki dan 36 perempuan) yang dikhususkan kepada kakitangan kerajaan Bahagian IV Ke Bawah dan bukan terdiri daripada aliran Arab dan ugama telah menyertai Bengkel Kesempurnaan Sembahyang sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1436H / 2015M yang diadakan selama empat hari bermula pada hari Isnin, 25 hingga 28 Mei.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel itu berlangsung di Dewan Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, Berakas, di sini.

Hadir menyampaikan sijil dan selaku tetamu kehormat ialah

Pengarah Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Majlis diikuti dengan pembentangan dari wakil peserta bengkel lelaki kemudiannya diikuti pembentangan dari wakil peserta bengkel perempuan.

Seterusnya penyampaian sijil kepada pembengkel dan peserta-peserta tersebut yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Bengkel difokuskan dalam menghalusi bacaan Surah Al Faatihah, teori dan praktikal sembahyang, sembahyang bagi orang yang sakit dan Orang Kurang Upaya (OKU), wudhu serta tayamum dan juga memfokuskan cara sembahyang jamak dan qasar.

Dalam pada itu, peserta bengkel telah dibawa melawat ke Pusat Ehsan

Al Hajjah Maryam dan Kampung Labi Ulu Belait bagi mempelajari secara praktikal sembahyang orang yang sakit dan OKU dan sembahyang jamak dan qasar.

Bengkel tersebut dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta mengenai kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul dan memperbaiki sembahyang dari segi teori dan praktikal serta mengetahui cara sembahyang jamak dan qasar, di samping mendalami dan mengetahui cara berwudhu dan bertayamum dengan sempurna serta dapat beramah mesra dan menyumbangkan tenaga dalam melakukan kegiatan sosial bersama masyarakat setempat.



PENGARAH Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Kesempurnaan Sembahyang.



PESERTA Bengkel Kesempurnaan Sembahyang Sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1436H / 2015M bergambar ramai.

Pejabat Pos Mata-Mata berpindah ke lokasi baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan kaunter di Pejabat Pos Mata-Mata, Simpang 74-59, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong akan ditutup dan dipindahkan ke lokasi baru di alamat B2, Tingkat Bawah, Bangunan Warisan Mata-Mata Gadong mulai 2 Jun bersamaan 15 Syaaban 1436 Hijrah.

Penutupan dan pemindahan tersebut bertujuan untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai di lokasi yang lebih strategik dan selesa, di samping meningkatkan imej jabatan berkenaan dengan mengadakan perkhidmatan pos di kawasan komersial.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang berhajat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter pos bolehlah mendapatkannya di cawangan baru ini pada waktu dan hari perkhidmatan dibuka iaitu dari hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Perkhidmatan Agensi dan Perkhidmatan Tradisi Pos akan bermula pukul 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 hingga 3.00 petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Penolong Ketua Pos Agung, Dayang Hajah Siti Fadilah binti Haji Mohin pada talian 2381212 dan Ketua Penguasa Pos, Dayang Diyana Maslina binti Haji Ahady pada talian telefon 2384423.

Penduduk kampung perlu bekerjasama

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM KOTA BATU, Khamis, 28 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan, dengan adanya Karnival Matan adalah sebagai pemangkin semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kalangan masyarakat kampung.

Menurutnya, ia juga dapat mengukur sejauh mana kepimpinan yang ada di kampung-kampung menerusi Majlis-Majlis Perundingan dalam mengusahakan mengangkat taraf kegiatan kampung masing-masing dengan motif mencemerlangkan kampung halaman.

Bercakap tentang kecemerlangan kampung tambahnya, kampung dapat bergiat aktif dalam melaksanakan

projek-projek dan rancangan strategik KHEDN seperti penghasilan Satu Kampung Satu Produk dan sebagainya ke arah menjana perkembangan sosioekonomi dan kemahiran tersendiri anak-anak buah mukim dan kampung.

Beliau berucap demikian pada Majlis Perasmian Karnival Matan 2015 bertempat di Pentas Kebudayaan Pelancongan, Kampung Sungai Matan, di sini.

Dalam hubungan ini terangnya, dengan adanya Perahu Pelancongan yang baharu ini akan dapat menjana lagi perekonomian masyarakat kampung dan ia juga akan dapat mengembangkannya lagi dalam Industri Pelancongan di negara ini.

Namun demikian, beliau turut

mengingat dan menyarankan agar Perahu Pelancongan itu hendaklah digunakan sebaik mungkin kerana ia akan dapat membantu menjana ekonomi kampung seterusnya akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak buah Kampung Sungai Matan ini.

Dr. Awang Haji Abdul Manaf juga menyeru kepada anak-anak buah Kampung Sungai Matan supaya akan dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih bernilai (high value) yang boleh memperolehi pendapatan yang lebih tinggi termasuk juga memberikan peluang pekerjaan yang tetap.

Oleh itu tambahnya, pihak kementerian berharap usaha sebegini akan dapat dilaksanakan secara berterusan dengan lebih banyak produk dan perkhidmatan dapat dihasilkan oleh kampung Sungai Matan ini dan kampung-kampung lainnya di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis tersebut beliau juga turut melancarkan dengan menepung tawar sebuah Perahu Pelancongan yang diperolehi daripada usaha kalangan masyarakat dan penduduk Kampung Sungai Matan yang telah berjaya meraih Anugerah pingat Gangsa dan Kewangan Grantt yang bernilai BND30,000 dalam Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang Kali-Ke 2 Tahun 2012 yang lalu.

Antara tujuan Karnival Matan 2015 ini diadakan adalah bagi memperkenalkan dan mempromosikan Kampung Sungai Matan kepada orang ramai dan para pelancong dalam dan luar negeri sebagai salah satu destinasi

pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga bertujuan untuk menjana perekonomian penduduk-penduduk kampung berkenaan melalui perniagaan kecil-kecilan daripada penjualan ikan, udang segar, sayur-sayuran, buah-buahan, hasil produk makanan laut seperti belacan, udang kering, ikan masin, ikan liking dan sebagainya juga termasuk makanan tempatan.

Selain untuk memperkenalkan hasil produk-produk tempatan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para penduduk, peserta dan para pengunjung, karnival itu juga adalah untuk mempromosikan Projek Jabatan Kemajuan Pelancongan 'Kenali Negara Kitani' (KNK) bagi merealisasikan 'Satu Kampung Satu Produk'.

Karnival tahun ini juga mengadakan pelbagai aktiviti sampingan bagi penyertaan para penduduk dan orang ramai di pelbagai peringkat usia dari kalangan kanak-kanak, dewasa dan warga emas.

Antaranya peraduan memasak ikan dan masakan ikan tersedia dari rumah bagi penduduk kampung berkenaan dengan bayaran penyertaan sebanyak BND5 yang akan diadakan pada 1 Jun 2015; persembahan tarian tradisional dan bermukun; peraduan mengibarat rambat bagi perempuan dan lelaki; peraduan meneka berat ikan dan barang-barangan dengan bayaran penyertaan sebanyak BND3 dan diadakan selama tiga hari.

Di samping itu, juga diadakan peraduan mewarna lukisan untuk kanak-kanak di bawah umur lima ke lapan tahun, peraduan mewarna



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin ketika berucap pada Majlis Pelancaran Karnival Matan 2015, bertempat di Kampung Sungai Matan.

lukisan dan menambah perkataan lucu untuk kanak-kanak berumur lapan tahun ke atas; peraduan Karnival Matan Siuk untuk kanak-kanak berumur lapan tahun ke atas yang diadakan selama empat hari; peraduan tarik kalat berpasukan kanak-kanak lima orang; peraduan menganyam daun apung bagi perempuan dewasa; larian cabaran Bukit Matan bagi tiga kategori (kanak-kanak, remaja dan dewasa); dan peraduan membaca surah lazim dan azan bagi kanak-kanak.

Karnival lima hari itu bermula hari ini sehingga 1 Jun bertempat di Kediaman Ketua Kampung Sungai Matan, beralamat No. 702, Simpang 702, Kampung Sungai Matan dan di sepanjang jambatan kampung berkenaan.

225 pelajar Persekolahan Arab dan Ugama terima penghargaan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar semasa menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mei. - Guru-guru berperanan penting dan merupakan tunjang utama dalam menghasilkan pelajar yang berjaya. Guru yang berkualiti dan komited dapat dijadikan contoh teladan yang baik dari segi pengetahuan, kemahiran dan sahsiah terpuji.

Perkara ini antara yang dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar semasa Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik Persekolahan Ugama dan Arab Tahun 2014 bertempat di Dewan Tarbiyyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, di sini.

Menurutnya, guru berkualiti juga

adalah mereka yang sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dan mempunyai harapan untuk membawa kejayaan pelajar yang bukan sahaja melahirkan pelajar yang pintar dan cerdik, tetapi juga mewujudkan modal insan yang berdaya saing.

Ibu bapa juga tambahnya, berperanan dalam menitikberatkan soal pembelajaran secara berterusan bukan sahaja di sekolah malahan juga di rumah.

"Saya percaya, untuk melahirkan pelajar yang berjaya, semua pihak perlu berganding bahu dan mengatur langkah untuk merealisasikan impian. Dengan adanya gabungan dan kerjasama mantap yang terjalin, kejayaan akan mampu dicapai. Kita perlu menjadikan hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa sebagai hubungan yang berasaskan rasa tanggungjawab, saling memerlukan dan sentiasa menyokong antara satu sama lain," ujarnya lagi.

Terdahulu itu, beliau menjelaskan kejayaan yang diperolehi oleh para pelajar di peringkat awal ini adalah sebagai pemangkin kepada kejayaan pada masa akan datang dan mereka seharusnya bijak merebut peluang pendidikan yang ada, di samping rajin berusaha dalam merealisasikan matlamat hidup masing-masing serta melengkapkan diri dengan akhlak dan sahsiah diri yang baik.

Dunia pendidikan katanya, mengalami banyak perubahan dari masa ke semasa dan peluang pendidikan harus digunakan sepenuhnya bagi menguasai ilmu,

kemahiran dan membina personaliti yang cemerlang.

Tanpa kelulusan dan ilmu yang mencukupi tegasnya, sukar untuk anak-anak kita mempunyai masa depan yang cerah sedangkan kehidupan dalam zaman ini adalah semakin mencabar.

Pada majlis tersebut, Awang Haji Muhammad Sunadi juga telah menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada seramai 225 pelajar Persekolahan Arab dan Ugama di Negara Brunei Darussalam.

Seramai 33 pelajar terbaik Persekolahan Arab, iaitu mengikut tahun pengajian berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan dan ko-kurikulum dan 144 pelajar terbaik dalam bidang akademik dan ko-kurikulum peringkat kawasan dan daerah yang berjumlah lapan kawasan semuanya, iaitu kawasan Brunei I, Brunei II, Brunei III, Brunei IV, Tutong, Belait dan Temburong bagi setiap Darjah 1 hingga Darjah 6.

Manakala lima pelajar terbaik dalam bidang akademik dan ko-kurikulum di peringkat negara, iaitu mengikut Darjah 1 hingga Darjah 5 dan 43 pelajar berkeperluan khas (pelajar UPK) telah lulus dalam peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) dengan memperolehi pangkat 1, 2 dan 3 pada tahun 2014.

Jabatan Pengajian Islam sentiasa memberi perhatian penuh terhadap pencapaian dan kecemerlangan pelajar dari segi akademik mahupun ko-kurikulum.

Majlis ini bertujuan memberi



TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Muhammad Sunadi semasa menyampaikan hadiah kepada pelajar terbaik (atas dan bawah).



penghargaan dan insentif hadiah kepada para pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum dan

sebagai pendorong dan motivasi kepada pelajar-pelajar lain untuk meningkatkan pencapaian dan prestasi mereka.

Semarak Sambutan Isra' Mi'raj bekas penuntut sekolah Arab

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Jumaat, 29 Mei. - Gabungan seramai 30 bekas penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah pengambilan tahun 1970-1975 telah berkesempatan untuk bertemu semula dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an Ketiga di kediaman Dayang Hajah Jariamah binti Haji Duraman dan suami, Awang Haji Arbi bin Haji Yusof di Kampung Pandan, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Datin.

Yang Mulia Dato Paduka merupakan salah seorang bekas rakan sekolah mereka.

Gabungan bekas penuntut sekolah Arab dari keempat-empat buah daerah ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi di antara mereka kerana sudah berbelas tahun mengenali antara satu sama lain sejak kecil hidup bersama dan tinggal di asrama sehingga melanjutkan pelajaran ke luar negara waktu itu ke Singapura, Mesir dan England.

"InsyaAllah kami akan menyambung lagi kegiatan yang berkecenderungan ini mulai 1 Ramadan untuk memulakan mengaji Al-Qur'an dan akan mengadakan majlis khatam di akhir Ramadan akan datang," ujar Dayang Hajah Jariamah yang hanya lima hari lagi bakal bersara setelah berkhidmat sebagai guru agama sejak 1 Jun 1982 selama 33 tahun.



TETAMU kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Datin bergambar-ramai bersama bekas penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah pengambilan tahun 1970-1975 di kediaman Dayang Hajah Jariamah binti Haji Duraman dan suami, Awang Haji Arbi bin Haji Yusof di Kampung Pandan, Kuala Belait.

Isra' dan Mi'raj tanda kekayaan, kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Jun. - Isra' dan Mi'raj adalah dua peristiwa amat besar dan luar biasa yang dialami oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dianggap sebagai satu penganugerahan

tinggi nilainya dari segi kerohanian.

Kedua-dua peristiwa itu adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada Baginda untuk memperlihatkan tanda keagungan dan kekuasaan-Nya.

Perkara tersebut merupakan petikan ceramah khas yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Shahrol Azmi bin Haji Mulok pada Sambutan Isra' dan Mi'raj KUPU SB 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Menurutnya, Isra' dan Mi'raj yang dialami oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menunjukkan kekayaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada ceramahnya, beliau juga mengongsikan iktibar mengenai setiap peristiwa yang berlaku serta pengajaran yang kita dapat daripada peristiwa-peristiwa tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada ceramah khas tersebut ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Rejab merupakan bulan yang ketujuh dalam kiraan taqvim Islam di mana di dalamnya terkandung peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah yang dapat diambil iktibar serta pengajaran.

Pada lazimnya, KUPU SB melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti tazkirah, Forum Pelajar Institut Pendidikan Tinggi,

ceramah dan lain-lain lagi.

Pada tahun ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Unit Kerohanian juga mengendalikan Sambutan Isra' dan Mi'raj serta forum khas sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj peringkat kolej berkenaan bagi tahun 1436H / 2015M.

Tujuan utama ceramah khas diadakan adalah bagi mengingatkan warga KUPU SB mengenai peristiwa Isra' dan Mi'raj yang memperlihatkan kebesaran Allah dan mempunyai banyak rahsia serta hikmah, di samping menyemarakkan suasana sambutan hari-hari kebesaran Islam dan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan kerjasama dalam kalangan warga KUPU SB serta membentuk sahsiah pelajar ke arah kecemerlangan insan yang bertakwa.



PENOLONG Pensyarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Haji Md. Shahrol Azmi bin Haji Mulok semasa menyampaikan ceramah khasnya pada Sambutan Isra' dan Mi'raj KUPU SB 1436H / 2015M.

Sekolah Rendah DRHMJ johan Pertandingan Koir

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

JALAN MUARA, Rabu, 3 Jun. - Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kampung Kiarong muncul johan Pertandingan Koir 'Pre-School Year 1 dan Year 2' yang diadakan di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, di sini.

Juara berjaya mengumpul markah 92.2 peratus setelah menewaskan Sekolah Rendah Anggerik Desa yang memperolehi markah 87.8 peratus, diikuti oleh Sekolah Rendah Panaga di tempat ketiga dengan markah 87.8 peratus.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Abdul Rahman bin



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Abdul Rahman bin Haji Nawi semasa hadir dalam Pertandingan Koir 'Pre-School Year 1 dan Year 2' yang diadakan di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Haji Nawi selaku tetamu kehormat. Pertandingan anjuran Centre For British Teachers (CFBT) dengan

kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan disertai oleh 17 buah sekolah rendah namun hanya 10 buah pasukan sahaja terpilih ke peringkat akhir.

Persembahan tarian daripada johan Tarian Brunei Asli Sekolah-Sekolah Rendah tahun ini turut menyerikan pertandingan tersebut.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara CFBT dan Kementerian Pendidikan dalam usaha menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid.

Turut hadir Ketua Pendidikan CFBT, Dr. Greg Keaney berserta pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan penuntut-penuntut.



ALAH sebuah pasukan sekolah rendah membuat persembahan pada Pertandingan Koir 'Pre-School Year 1 dan Year 2' yang diadakan di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Penyertaan Gerai Ramadan Tamu Gadong dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Jun. - Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan memaklumkan kepada orang ramai yang berminat untuk berjaja di Kawasan Tamu Gadong (berpayung) bermula pada 17 Jun 2015 atau 18 Jun 2015, iaitu tertakluk kepada hasil penglihatan anak bulan Ramadan. Waktu berjaja ialah dari pukul 2.00 petang hingga 6.00 petang.

Jenis perniagaan yang dibenarkan ialah menjual makanan dan minuman secara *takeaway*, makanan katering, pakaian / aksesoris, barang-barang runcit dan barang-barang perhiasan rumah.

Borang bolehlah didapati di Unit Pengurusan Aset, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Bandaran Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri bermula pada hari Selasa, 2 Jun 2015 dan tarikh akhir mengembalikan borang pada hari Sabtu, 13 Jun 2015.

Untuk sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi Unit Pengurusan Aset Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan pada talian 2223424 sambungan 143 pada waktu bekerja.

PSN perkukuhkan falsafah negara



PEMBENTANG mengetengahkan kertas kerja pada Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18.

BERAKAS, Sabtu, 30 Mei. - Pertemuan Sasterawan Nusantara (PSN) adalah pertemuan para sasterawan, penulis, bahasawan dan peminat sastera nusantara yang diadakan di Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura secara bergilir-gilir setiap dua tahun sekali.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kali kelima pada Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-18 yang bertemakan 'Ketahanan Nasional dan Ketrampilan Sastera Nusantara Muda Omar 'Ali

Saifuddin Memperteguh Konsep Melayu Islam Beraja' yang berkaitan dengan fungsi dan kualiti sastera.

PSN Ke-18 yang diadakan bermula 29 Mei lalu di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, diteruskan lagi pada sebelah petang dengan pembentangan beberapa siri kertas kerja bagi sesi keenam dan ketujuh.

Antara para pembentang yang mengetengahkan kertas kerja mereka ialah dari negara Malaysia yang diwakili oleh Dato Dr. Zurinah Hassan dan Dr. Salleh Rahmad, sementara dari

Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Awang Haji Mohd. Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin, Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Awang Murni, Dr. Awang Haji Ramlee bin Haji Tinkong, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah dan Dayang Noor Alifah binti Abdullah.

PSN kali ini menekankan, mengenai ketahanan nasional yang merupakan salah satu perkara penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh yang demikian, rakyat

dan penduduk diseru untuk menjaga keamanan, melakukan beberapa usaha atau tindakan demi memperkuat dan melestarikan falsafah, konsep atau prinsip negara masing-masing.

Hal inilah yang menjadi fokus perbincangan, misalnya dalam konteks Negara Brunei Darussalam akan melihat peranan Muda Omar 'Ali Saifuddin dalam memperteguh MIB sebagai falsafah atau konsep negara dalam karya-karya baginda.

Sementara di Malaysia tentunya perbincangan akan melihat 'Rukun Negara' dan di Indonesia pula melihat 'Pancasila' dan dalam masa yang sama melihat karya-karya sastera yang berfungsi sedemikian, di samping karya-karya sastera yang lain dilihat dari segi kualiti atau mutunya sehingga tampak menonjol bukan sahaja di peringkat serantau malah juga di peringkat antarabangsa.

Antara tujuan PSN ini diadakan untuk menekankan kembali fungsi sastera terutama dalam memelihara ketahanan nasional demi melahirkan masyarakat yang bersatu padu, harmoni, sejahtera dan rukun damai dalam sesebuah negara serta memberikan peluang kepada para peserta untuk berkumpul, berinteraksi dan bertukar fikiran mengenai isu-isu semasa dalam bidang bahasa, sastera,

budaya dan penulisan kreatif.

Selain itu, PSN juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran jati diri penulis, kepentingan konsep keindahan dan nilai-nilai estetik universal yang diharap akan melahirkan karya yang berkualiti di peringkat serantau mahupun antarabangsa dan mengetahui karya-karya sastera nusantara yang berkualiti daripada pelbagai sudut pemikiran dan keindahan.

Melalui PSN ini juga akan dapat meningkatkan kerjasama di antara persatuan dan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa demi memperluas ruang gerak dan wawasan para sasterawan yang menyertai pertemuan ini terutama untuk terus memperkukuh dan memantapkan falsafah negara masing-masing.

PSN Ke-18 kali ini diungkuhkan oleh Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI), Brunei Darussalam dan didukung bersama oleh DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaras dengan salah satu dasar penubuhan dan tanggungjawab DBP, iaitu 'Berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meninggikan bahasa Melayu' melalui kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan di Negara Brunei Darussalam.

Hayati nilai-nilai kebruneian dalam konsep MIB



SETIAUSAHA / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan taklimat dan ceramah konsep MIB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mei. - Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara disaran agar memahami nilai-nilai dalam konsep

Melayu Islam Beraja (MIB) dan mempraktikkannya terutama dari segi rasa hormat-menghormati kepada pemimpin, ketua-ketua, rakan sesama kerja dan juga kesedaran terhadap kepentingan keharmonian dalam suasana atau lingkungan kerja.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat semasa Muzakarah Nilai-Nilai Kebruneian dalam konteks konsep MIB yang berlangsung di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepont, Gadong, di sini.

Tambahnya, warga Jabatan Penjara hendaklah sentiasa memantapkan lagi tahap disiplin dan komitmen terhadap kerja yang diamanahkan.

Terdahulu itu, beliau berkata, muzakarah seumpama ini adalah sangat signifikan diungkuhkan dan dilaksanakan bagi membina dan mengukuhkan perwatakan dan kewibawaan yang terpuji pada setiap diri pegawai dan kakitangan yang sentiasa berpegang kepada konsep MIB.

Oleh itu jelasnya, bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan

Penjara yang juga merupakan warga sesebuah jabatan kerajaan, adalah amat penting untuk memahami isi kandungan dan perbincangan dalam sesi muzakarah ini.

Muzakarah diteruskan dengan taklimat dan ceramah konsep MIB yang telah disampaikan oleh Setiausaha / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji



AHLI Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid menyampaikan ceramah nilai-nilai kebruneian dalam konteks konsep MIB.

Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dr. Awang Haji Muhammad Hadi dalam ceramahnya antara lain menjelaskan, peranan dan tanggungjawab Majlis Tertinggi MIB, iaitu memandu, membariga dan mengukuhkan serta memantau corak kehidupan masyarakat yang berlandaskan MIB kepada semua peringkat.

Sementara itu, ceramah khas mengenai nilai-nilai kebruneian dalam konteks konsep MIB telah disampaikan oleh Ahli Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Beliau menjelaskan bahawa nilai-nilai kebruneian itu meliputi nilai moral, nilai budaya, nilai estetik dan nilai agama, iaitu sikap malu.

Menurut beliau lagi, sikap malu harus menjadi budaya hidup orang-orang Brunei dan kata kunci malu ialah 'Malu Membuat Jahat' kerana hasil daripada proses atau tingkah laku malu akan melahirkan seseorang itu beretika dan mempunyai moral integriti.

Kira-kira 100 orang peserta yang terdiri daripada Pemangku Pengarah, Pemangku Timbalan Pengarah, pegawai-pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Penjara telah menyertai dalam muzakarah berkenaan.

Dengan adanya muzakarah ini, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi MIB berharap pegawai dan kakitangan akan dapat mengamalkan dan menghayati nilai-nilai kebruneian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Kerja-kerja pemindahan pelantar di Padang Minyak Bubut

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei.- Jabatan Laut memperingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja pemindahan pelantar sedang dilaksanakan di Padang Minyak Bubut di antara tanggal 18 Mei 2015 hingga 15 Jun 2015 dari SPRP-11 ke Siants (Beach Pull Position) dan seterusnya pemasangan paip ke CPRJ-01.

Ita diakui bahawa aktiviti tersebut akan memberi kesan kepada keselamatan navigasi.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP).

Kawasan berbahaya ialah transit melalui Ampa Oilfield menuju ke Saints, Seterusnya dari Saints ke CPRJ-01 dan Amaran Radio Navigasi disiarkan dari kapal DB 30 dan Lead Tug.

Semasa kerja-kerja penundaan dan pemasangan paip kapal DB 30 akan terhad kemampuannya berolah gerak dan semua kapal-kapal hendaklah menjauhi diri kira-kira 1 nautika dari *anchor pattern*.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut adalah dikehendaki untuk menjauhi diri dari zon aktiviti dan dinasihatkan untuk lebih berhati-hati apabila belayar di kawasan tersebut.

Pihak Syarikat BSP Sdn. Bhd. akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Peta laut yang terlibat ialah BA 2109.



PEGAWAI dan kakitangan dari Jabatan Penjara yang hadir pada Muzakarah Nilai-Nilai Kebruneian dalam konteks konsep MIB di Goldstone Ballroom, Hotel Centrepont, Gadong.

Tekad berbakti kepada negara



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris memeriksa barisan pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Rekrut Lelaki Skwad Pertama Tahun 2014 di Padang Kawad Pusat Latihan Polis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mei.- Objektif utama Latihan Asas Rekrut di Pusat Latihan Polis adalah untuk menyediakan dan melengkapkan para rekrut dengan pendedahan dan pengetahuan ilmu asas kepolisian yang meliputi mata pelajaran pengetahuan Kanun Hukuman Jenayah; Kanun Peraturan Jenayah; Akta-akta dan Peraturan Polis; Pengendalian Senjata Api dan Latihan Tembak serta Pengetahuan Am Dalam dan Luar Pasukan.

Perkara itu diakui Rekrut 6249 Muhd Izzat bin Harun yang terpilih sebagai Rekrut Terbaik dalam Semua Jurusan semasa ditemu bual Pelita Brunei selepas Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Rekrut Lelaki Skwad Pertama Tahun 2014 di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis.

Selepas tamat latihan tersebut beliau berazam untuk berkhidmat dan berbakti kepada negara dalam kepolisian serta melaksanakan tugas-tugas sebagai seorang anggota polis yang bertanggungjawab bagi menyahut seruan masyarakat, ugama dan negara.

Maka, beliau menyeru kesemua para rekrut yang akan datang agar mempunyai ketahanan diri dari segi mental dan fizikal dan seterusnya mengikut peraturan-peraturan dan arahan-arahan kepolisian.

Bagi Rekrut 6224 Mohammad Fardhan bin Mohd. Jasli yang terpilih sebagai Rekrut Terbaik dalam Undang-Undang turut mengongsikan pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh beliau semasa menjalani kursus berkenaan.

Katanya, kursus itu banyak memberi pengajaran dan pengetahuan yang



PENERIMA Rekrut Terbaik dalam Undang-Undang ialah Rekrut 6224 Mohammad Fardhan bin Mohd. Jasli.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

berguna khusus dalam bidang kepolisian.

“Atas doa dan sokongan dari keluarga saya telah melakukan kursus selama enam bulan itu dengan penuh gigih dan betul,” ujarinya.

Rekrut 6239 Mohammad Zulhusni bin Murny pula berasa teruja dan tidak menyangka dipilih sebagai Rekrut Terbaik dalam Kawad dan Latihan Luar.

Dengan kepujian yang dimiliki tersebut beliau berhasrat untuk memperbaiki kelemahan dalam kawad dan latihan luar dan seterusnya menambah ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang lain.

Dalam pada itu, kesemua para rekrut-rekrut supaya akan sentiasa beringat dan berwaspada dalam menjalankan sebarang tugas dan tanggungjawab serta mengikut peraturan-peraturan dan peruntukan undang-undang sepertimana yang telah dipelajari di pusat tersebut.

Pada masa yang sama, para rekrut diseru untuk menjauhkan diri dari rasuah, gejala maksiat dan tidak bermoral dan hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan disiplin diri, tidak menyalahgunakan kuasa polis dan taat kepada peraturan dan arahan ketua.



PENERIMA Rekrut Terbaik dalam Kawad dan Latihan Luar, Rekrut 6239 Mohammad Zulhusni bin Murny.



PENERIMA Rekrut Terbaik dalam Semua Jurusan, Rekrut 6249 Muhd. Izzat bin Harun.

Ujian Lencana Kemahiran Pengakap Tunas



AHLI Pengakap Tunas semasa diajar dan dibimbing cara membuat roti sandwich telur.

untuk menghidupkan api dari dapur gas, memasak air, membuat minuman panas, membersihkan telur daripada sebarang kekotoran sebelum digunakan, menggoreng telur, merebus telur dan membuat roti sandwich telur.

Seterusnya mereka diminta untuk membersihkan semua peralatan dapur yang telah digunakan. Di samping itu, dapat menerapkan pemahaman kepada mereka betapa di dalam setiap kegiatan yang disertai perlu diberikan penekanan mengenai keutamaan penjagaan kebersihan.

Latihan dan ujian memasak ini diharap dapat membantu mereka untuk membuat sendiri makanan dan minuman yang mudah ketika mereka berada di rumah masing-masing.

Latihan yang lain turut dijalankan adalah ulang kaji sebelum mereka diuji mengenai pemahaman dan membuat praktikal laung agung, menaikkan bendera, buku log, Persetiaan Pengakap Tunas, Undang-Undang Pengakap Tunas, bagaimana memberi hormat kepada pemimpin dan pakaian seragam lengkap Pengakap Tunas, kraf tangan pengakap dan nyanyian pengakap.

Di akhir latihan, mereka telah memakan roti sandwich telur dan minum air panas hasil buatan tangan mereka sendiri.

Menurut Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Bahagian Pengakap Tunas) yang juga Pemimpin Pasukan Pengakap Tunas Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Subok, Dayang Hajah Noraini binti Haji Saidi, latihan dan ujian yang diadakan ini bertujuan untuk membantu Pemimpin-Pemimpin Pasukan Pengakap Tunas menjalankan secara bersama dalam mengendalikan latihan mingguan dan ujian lencana kemahiran, di samping memudahkan pengajaran sistem latihan yang lebih sepadu dan selaras bagi ahli-ahli Pengakap Tunas.



AHLI Pengakap Tunas semasa diajar dan dibimbing cara menggoreng telur.

Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : PPNBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Mei. - Belajar sambil melakukan aktiviti adalah satu konsep pembelajaran yang sangat berkesan dalam sistem pengajaran dalam berpengakap.

Melalui kaedah belajar dan terus mempraktikkannya lebih memberi kefahaman terutamanya ketika menjalankan kegiatan di luar bilik darjah. Mereka lebih memahami dan teruja serta seronok melakukan kegiatan tersebut.

Justeru itu, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Tunas telah mengadakan latihan dan ujian Lencana Kemahiran bagi ahli-ahli Pengakap Tunas secara bersepadu bagi mendapatkan Lencana Keahlian Pengakap dan Lencana Memasak)

di ruang dapur Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong.

Seramai 24 ahli Pengakap Tunas dari Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Subok dan Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata telah menyertai latihan dan ujian lencana kemahiran tersebut.

Sebelum memulakan ujian memasak, Pemimpin Pasukan Pengakap Tunas dari kedua-dua sekolah tersebut terlebih dahulu telah menerangkan kepada ahli-ahli Pengakap Tunas mengenai kepentingan langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan semasa menggunakan peralatan dapur gas, kebersihan serta keselesaan ruang dapur.

Ahli-ahli Pengakap Tunas seterusnya telah dibimbing dan diajar

Makluman kerja-kerja penyelidikan seismik dalam air

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Jabatan Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja penyelidikan seismik dalam air sedang dijalankan di antara 20 Mei 2015 sehingga 19 Julai 2015 dengan menggunakan kapal yang bernama 'Skandi Hercules, Harrier Explorer dan Mermaid Guardian'. Ia diakui bahawa aktiviti tersebut akan memberi kesan kepada keselamatan navigasi.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP).

Sehubungan itu, pelaut-pelaut terutamanya kepada para nelayan-nelayan tempatan agat tidak memasuki ataupun berlabuh di mana-mana lokasi serta di sekeliling perairannya bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

Pelaut-pelaut juga dinasihatkan apabila berada di sekitar kawasan tapak kerja hendaklah mengekalkan langkah awas serta lebih berhati-hati apabila belayar di kawasan tersebut dan sentiasa peka awas pendengaran dari Marin VHF saluran 16.

Pihak Syarikat BSP Sdn. Bhd. akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut.

Peta laut yang terlibat ialah BA 3483 dan BA 1338.

276 pembaca sertai Majlis Khatam Al-Qur'an



PESERTA khatamal dewasa lelaki.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

SERIA, Khamis, 28 Mei. - Seramai 276 orang pembaca terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang terdiri daripada empat kategori iaitu 69 peserta lelaki dewasa, 69 peserta belia, 69 peserta wanita dewasa dan 69 peserta beliawanis Daerah Belait menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an 69 Kali Khatam pada tahun ini.

Majlis Khatam Al-Qur'an 69 Kali Khatam bagi ahli-ahli MPK Seluruh Negara merupakan salah satu acara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun ini.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pemantauan Majlis Khatam Al-Qur'an 69 Kali Ahli-Ahli MPK Bagi Daerah Belait Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Bagi Daerah Belait mengadakan pemantauannya di Masjid Pekan Seria.

Majlis khatam antara lain bagi menjunjung hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir selain untuk menzahirkan rasa

syukur rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM.

Pembacaan Al-Qur'an sehingga khatam diadakan di masjid-masjid di seluruh negara dan setiap bacaan akan diniatkan khusus untuk Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis bertujuan untuk memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan negara di bawah kepimpinan bijaksana baginda yang sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun Bagi Daerah Belait.

Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yussof bin Haji Dulamin, selaku Ketua Kampung Mumong; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Khatam Al-Qur'an 69 Kali Peringkat Daerah Belait.



PESERTA khatamal dewasa wanita.

Pelajar perlu contohi sifat mahmudah dalam ibadah

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 27 Mei. - Bagi memperingati peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sebagai tanda cinta kepada Baginda, warga Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) telah mengadakan majlis ceramah yang diadakan di Masjid RPN Kampung Pandan.

Pengetua Kampus Satelit, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Awang Norjeme bin Awang Jenek berharap supaya para pelajar dapat mengaplikasikan segala contoh teladan dan sifat-sifat mahmudah dalam hal ibadah mereka, serta pentadbiran mereka pada masa akan datang dan hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan yang seumpamanya.

Tetamu kehormat majlis itu melahirkan harapan agar majlis itu akan dapat memupuk semangat bekerjasama dan menjalinkan silaturahim yang baik di kalangan warga maktab dan jabatan-jabatan kerajaan atau pihak swasta.

"Majlis seperti ini diharapkan dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan luas dalam agama Islam sekali gus merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, bagi perancangan jangka panjang," ujarnya.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar yang menyertai pertandingan keagamaan dan MIB seperti Pertandingan Dikir, Majlis Khatam Al-Qur'an, Bengkel Menghalusi Sembahyang dan juga Pertandingan Pidato dan Debat pada tahun ini.

Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin, selaku penceramah undangan telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Sembahyang Penyelamat Kita' dan majlis diakhiri dengan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Akop bin Lamat.

Ceramah yang dihadiri oleh kalangan pelajar dan guru-guru MKJB itu juga dihasratkan dapat memberi kesedaran, dan mencontohi segala sifat-sifat mahmudah Rasulullah dan menjadikan peristiwa Isra' dan Mi'raj sebagai pengajaran dan teladan serta sebagai bekal para pelajar apabila tamat pengajian seterusnya masuk ke alam pekerjaan.



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Haji Haslan bin Haji Shahbudin telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Sembahyang Penyelamat Kita'.

Belia berselawat puji keagungan Rasulullah



MAJLIS Berselawat 4 Daerah yang dikendalikan oleh Kelab Khidmat dan Qasidah (KHIDMAT) di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Ahad, 31 Mei. - Laungan selawat memuji kebesaran dan keagungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

berkumandang memenuhi Dewan Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar yang setentunya memeriahkan lagi suasana Isra' Mi'raj.

Majlis Selawat Empat Daerah dibawakan oleh ahli-ahli Kelab Khidmat dan Qasidah Pusat Belia (KHIDMAT), sebuah kelab di bawah naungan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) bersempena Sambutan Isra' dan Mi'raj Bagi Tahun 1436 Hijrah.

Seramai lebih 70 orang menyertai majlis berkenaan terdiri daripada para pegawai dan kakitangan JBS, Pusat Da'wah Islamiah dan beberapa agensi kerajaan dan swasta, ahli-ahli persatuan-persatuan, para sukarelawan, penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah rendah dan menengah dan orang ramai khususnya penduduk di daerah ini.

Majlis bertemakan 'Belia Brunei Berselawat' itu dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isya Berjemaah dan diteruskan dengan bacaan Surah

Al Faatihah dan Doa Selamat yang diselajarkan dengan Majlis Selawat, dipimpin oleh Kumpulan Al-Mureed, Kumpulan Qasidah di bawah KHIDMAT.

Juga diadakan ialah ceramah bertajuk 'Solatku, Kebahagiaanku' disampaikan oleh penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Adi Aismat bin Lamat.

Majlis Selawat Empat Daerah akan diteruskan dengan majlis kemuncak di Daerah Brunei Muara pada 6 Jun nanti di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Orang ramai dialu-alukan untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan majlis yang penuh dengan keberkatan ini dalam sama-sama memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Karnival Matan 2015 mampu menjana perekonomian

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Jun. - Karnival Matan 2015 yang diadakan selama lima hari sejak 28 Mei lalu berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada peserta-peserta yang telah menyertai pelbagai aktiviti sepanjang karnival tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis yang berlangsung di Pentas Kebudayaan Pelancongan Sungai Matan, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Misle bin Abdul Karim.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal yang juga selaku Pengerusi Majlis berkata, kejayaan dalam menganjurkan karnival tersebut merupakan berkat usaha dan kerjasama serta kemufakatan yang padu antara penduduk kampung pada semua peringkat umur.

Pengiran Haji Abdul Rahman seterusnya berharap dan menyarankan agar kerjasama, gotong-royong dan kemufakatan tersebut akan dapat dikekalkan agar kampung berkenaan akan mendapat kecemerlangan dalam semua bidang.

Menurutnya, sebanyak 26 petak gerai disediakan bagi penjualan produk-produk kampung dan sebagainya yang mana hasil kutipan keseluruhan bagi karnival tahun ini dianggarkan melebihi lapan ribu ringgit dengan anggaran dua ribu pengunjung sepanjang karnival berkenaan.

Karnival Matan yang diadakan di Kediaman Ketua Kampung Sungai Matan, itu telah menyediakan pelbagai aktiviti sampingan bagi penyertaan para penduduk dan orang ramai dalam pelbagai peringkat umur daripada kalangan kanak-kanak, dewasa dan warga emas.

Antara aktiviti tersebut ialah Peraduan Memasak Ikan dan Masakan Ikan Tersedia Dari Rumah bagi penduduk kampung berkenaan,

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Azmi Damit



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang-pemenang Karnival Matan 2015.

Persembahan Tarian Tradisional dan Bermukun; Peraduan Mengibarat Rambat bagi Lelaki dan Perempuan; Peraduan Meneka Berat Ikan dan Barang-barangan, Peraduan Mewarna Lukisan Untuk Kanak-Kanak di bawah umur lima ke lapan tahun; Peraduan Mewarna Lukisan dan Menambah Perkataan Lucu; Peraduan Karnival Matan Siuk untuk kanak-kanak berumur lapan tahun ke atas; Peraduan Tarik Kalat Berpasukan Kanak-Kanak Lima Orang; Peraduan Menganyam Daun Apong bagi Perempuan Dewasa; Larian Cabaran Bukit Matan dan Peraduan Membaca Surah Lazim dan Azan bagi Kanak-Kanak.

Karnival Matan 2015 antara lain bertujuan bagi memperkenalkan dan mempromosikan Kampung Sungai Matan kepada orang ramai dan para pelancong dalam dan luar negara sebagai salah satu destinasi

pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga bertujuan untuk menjana perekonomian penduduk-penduduk kampung berkenaan melalui perniagaan kecil-kecilan daripada penjualan ikan, udang segar, sayur-sayuran, buah-buahan, hasil produk makanan laut seperti belacan, udang kering, ikan masin, ikan liking dan sebagainya termasuk makanan tempatan.

Selain untuk memperkenalkan hasil produk-produk tempatan dan mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan para penduduk, peserta dan para pengunjung, karnival itu juga dihasratkan untuk mempromosikan Projek Jabatan Kemajuan Pelancongan 'Kenali Negara Kitani' (KNK) bagi merealisasikan 'Satu Kampung Satu Produk'.

Program Perkhemahan Ukhwah Islamiyyah jana masyarakat berilmu

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumat, 29 Mei. - Majlis perasmian bagi Program Perkhemahan Ukhwah Islamiyyah anjuran Kelab Fikrah, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini ialah Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Ariffin bin Omar.

Acara dimulakan dengan bacaan Ayat Suci Al-Qur'an dan Surah Al Faatihah oleh wakil peserta.

Program Perkhemahan Ukhwah Islamiyyah dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 31 Mei 2015 yang berkonsepkan 3 'S', iaitu Syi'ar, Salam dan Silaturrahimi.

Pada tahun ini, seramai 139 orang penuntut yang terdiri daripada penuntut Tahun 1 hingga Tahun 3

mengikuti perkhemahan tersebut.

Antara objektif perkhemahan diadakan ialah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Ke-65 Tahun yang mana baginda menyarankan supaya, para intelek khususnya membuat 'extra mile' bagi menyampaikan ilmu-ilmu yang bermanfaat dengan misi menuju masyarakat berilmu.

Di samping itu juga untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar untuk berdepan dengan masyarakat serta memperkenalkan KUPU SB ke mata masyarakat.

Program Perkhemahan Ukhwah Islamiyyah ini merupakan program tahunan yang diadakan sejak tahun 2011. Pada tahun ini program membawa tema 'Ukhuwwah Menjana Konsep Al-Ta'awun ala wa al-taqwa'.



DEKAN Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Profesor Madya Dr Ariffin bin Omar, selaku tetamu kehormat semasa memberikan ucapan alu-aluannya dalam Majlis Perasmian Program Perkhemahan Ukhwah Islamiyyah.

Antara isi kandungan program tersebut ialah bermalam di masjid, tazkirah, ceramah, Khatam Al-Qur'an, bengkel bimbingan amali dan kerja-kerja kemasyarakatan.

ANTARA pelajar yang menghadiri Majlis perasmian berkenaan yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar.

Simposium Cara Hidup Sihat pada 14 Jun 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Kagawa University (KU) Jepun dan Chiang Mai University (CMU) Thailand akan menganjurkan 'Simposium Cara Hidup Sihat' bertemakan 'Innovation In Obesity and Diabetes Prevention and Control' pada hari Ahad, 14 Jun 2015.

Simposium tersebut dianjurkan oleh Centre of Advanced Research (Care) dan akan diadakan di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD.

Ia bertujuan untuk mengundang para profesional penjagaan kesihatan, penyelidik dan pihak-pihak yang berkenaan dari luar negeri untuk membentangkan penyelidikan semasa yang berkaitan dengan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit ataupun dikenali dengan 'Non-Communicable Diseases' (NCD) terutama yang berkaitan dengan obesiti dan kencing manis.

Simposium ini berfungsi sebagai 'platform' penting untuk menjana perbincangan yang produktif dalam kalangan ahli akademik dan profesional untuk menangani isu-isu kritikal mengenai pencegahan dan kawalan NCD dengan bertukar-tukar idea dan perspektif dalam pelbagai disiplin.

Selain itu, simposium berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam kalangan peserta dalam kehidupan yang sihat untuk mengintegrasikan asas teori ke dalam amalan dan juga untuk mengenal pasti latihan yang berpotensi dalam bidang akademik dan penyelidikan dalam pencegahan dan kawalan NCD.

Ketua Pusat Promosi Kesihatan Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Kassim, akan menyampaikan ucapata bertajuk 'Non-Communicable Diseases (NCD) in Brunei Darussalam - where are we on the NCD Journey?'. Manakala Profesor Dr. Masaaki Tokuda, dari Falkulti Perubatan Universiti Kagawa di Jepun telah diundang khas untuk menyampaikan ucapata kedua bertajuk 'Multi-disciplinary challenges to overcome health-related diseases such as obesity and diabetes in Kagawa, Japan'.

Penyelidikan dari Universiti Kagawa Jepun, Universiti Chiang Mai Thailand, Universiti Sains Malaysia Malaysia, Pengiran anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Institut Sains Kesihatan Unversiti Brunei Darussalam dan pengurus makmal penyelidikan dari Matsutani Chemical Industry Company Jepun juga akan membentangkan berkatian dengan tema symposium itu.

Sebagai penutup simposium, para penceramah dan peserta terpilih akan mengadakan mesyuarat dan perbincangan untuk meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan dalam dan luar Negara.

Yuran pendaftaran bagi peserta tempatan adalah sejumlah BND50 bagi kategori penuntut, BND100 untuk profesional tempatan, manakala yuran bagi para profesional asing ialah USD100.

Maklumat lanjut boleh didapati melalui sekretariat di hls.ihsicare@ubd.edu.bn dan pendaftaran boleh dibuat secara online di <http://goo.gl/forms/7fQyRMNQt>.

Pecah Amanah menyalahgunakan wang Zakat Fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Mei. - Seorang Pendaftar Sekolah Menengah di Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Shahrul Rizam bin Haji Ramlee (tertuduh) telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan pecah amanah terhadap wang zakat fitrah, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 409 Kanun Hukuman Jenayah (Penggag 22).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa tertuduh di antara 25 Julai dan 2 April 2012 telah didapati melakukan pecah amanah terhadap wang Zakat Fitrah yang diamanahkan kepada tertuduh berjumlah BND86,344.77 (Ringgit Brunei : Lapan Puluh Enam Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Empat dan Tujuh Puluh Tujuh Sen) semasa tertuduh ditempatkan di Bahagian Kutipan Agihan Zakat Daerah Belait.

Semasa dihadapkan ke mahkamah, pertuduhan tersebut telah dibacakan kepada tertuduh akan tetapi pengakuan belum lagi diambil. Untuk itu, Pemangku Majistret Kanan Azrimah binti Haji Abdul Rahman menetapkan tertuduh hadir ke Mahkamah Majistret bagi sebutan lanjut kes tersebut pada 2 Julai pukul 9.00 pagi.

Pemangku Majistret Kanan kemudian telah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak BND10,000.00 (sepuluh ribu ringgit) atau seorang penjamin tempatan. Tertuduh diwakili oleh Peguam Ahmad Zakaria, sementara Pegawai Pendakwa Kes ini ialah Timbalan Pendakwa Raya, Yvonne Lim.



Tingkatkan struktur pengurusan sukan

Oleh : Khartini Hamir

Foto :

Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 2 Jun. - Kesatuan Bola Sepak Rugby Brunei dengan kerjasama Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), petang tadi menganjurkan persidangan mengenai Sukan Adalah Pendidikan 2015 yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis merasmikan persidangan dan seterusnya mendengarkan beberapa pembentangan kertas kerja ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Persidangan yang bertajuk 'Sukan

Adalah Pendidikan' itu menentangkan kepentingan pelajaran dan sifat-sifat seseorang yang boleh keluar dari kesusahan dan cabaran dalam pengalaman bersukan, iaitu rejim latihan berdisiplin secara intensif, keakraban rakan sepasukan, penyelesaian masalah dan keyakinan diri yang dapat diambil dari sukan.

Visi persidangan itu adalah untuk memberi motivasi, meningkatkan harga diri dan keyakinan, dan meningkatkan kemahiran hidup golongan muda di Negara Brunei Darussalam dengan memberikan kesan positif kepada pencapaian pembelajaran dan interaksi sosial.

Sementara misinya pula adalah untuk mengembangkan sukan menjadi kuasa penting untuk kepentingan dalam masyarakat Brunei, mencipta warisan yang berkekalan untuk sukan dan pihak-pihak berkepentingan dalam masyarakat.

Pada persidangan tersebut

turut mendengarkan beberapa pembentangan kertas kerja disampaikan oleh Mr. Chris McGeorge (JIS Director of Sports) dengan tajuknya 'The link between sport and education'; Mr. Shafeek Kamalie (CfBT) tentang 'A birth of a Nation through Sport, the story of South Africa'; Mr. Eric Landa (Brunei National Swimming Coach) mengenai 'Sports and Discipline - Creating a winning culture'; Mr. Ben Boddy (Deputy British High Commissioner) dalam 'Sport and Volunteerism - Creating Sporting legacy'; tajuk mengenai 'Local Student athlete perspective on Sport is Education' disampaikan oleh Mr. Shawal Nizam Haji Yani; Mr. Roy Prabakaran (Partner, Yusoff Halim & Partners) membentangkan mengenai 'Sports and a professional career pathway' dan Mr. Sukardi Kaderi (Head, Reach out Programme, BDADC) menjelaskan mengenai 'Keep sport clean - a fair play



charter'.

Antara objektif persidangan itu diadakan ialah menggalakkan enam penilaian teras dalam sukan, iaitu pendidikan, integriti, minat, perpaduan, disiplin dan penghormatan selain mewujudkan kesedaran awam dalam menentangkan 'Sukan Untuk Semua'.

Di samping itu, persidangan juga bagi menentangkan pelestarian serta perkembangan pelaburan bagi memenuhi keperluan setiap permainan dan pihak-pihak berkepentingan dalam meningkatkan penyertaan dan pembangunan struktur pengurusan sukan dan latihan.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair hadir merasmikan persidangan mengenai Sukan Adalah Pendidikan 2015 yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong.

MPK Pelambayan anjur Jualan dan Walkaton Amal

Oleh : Aimi Sani

Foto : Md. Zul-Izzi Haji Duraman

MUKIM KOTA BATU, Isnin, 1 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pelambayan buat kali keenamnya menganjurkan Jualan Amal dan Walkaton Amal bagi

penduduk-penduduk kampungnya sebagai salah satu aktiviti tahunan yang diungkuhkan oleh MPK Pelambayan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Jualan Amal dan Walkaton Amal.

seterusnya menyertai Walkaton Amal tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali yang berlangsung di kawasan kediaman Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan diikuti dengan aktiviti walkaton bermula dari pekarangan rumah Ketua Kampung menuju ke Jambatan Queen Elizabeth kemudian berpatah balik ke rumah Ketua Kampung.

Aktiviti Jualan Amal juga diadakan selama dua hari bermula 31 Mei sehingga, 1 Jun 2015, yang mana selain gerai-gerai jualan, beberapa acara sampingan turut diadakan bagi memeriahkan lagi aktiviti tersebut.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah pertandingan masakan, peraduan mewarna, pertandingan dart dan perlawanan tarik kalat yang boleh disertai oleh semua peringkat umur mengikut kategorinya.

Dengan adanya aktiviti ini diharapkan akan menjadikan Kampung Pelambayan sebagai salah sebuah kampung yang aktif dengan penduduk-penduduknya yang sentiasa bekerjasama dalam memajukan dan menaikkan nama kampung melalui aktiviti seumpamanya.



ACARA Jualan dan Walkaton Amal Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pelambayan dimulakan dengan sesi pemanasan badan.

SM PJNHAB muncul juara Kejohanan Badminton

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Jumaat 29 Mei. - Guru dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar (SM PJNHAB) muncul juara dalam kejohanan badminton anjuran oleh sekolah berkenaan.

Perlawanan akhir berlangsung di Dewan Serbaguna SM PJNHAB telah menyaksikan guru-guru dari Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah (SVSB) selaku naib juara dan pasukan Sekolah Menengah Sayyidina Ali berada tempat ketiga.

Objektif pertandingan adalah untuk memupuk hubungan yang baik dalam kalangan guru-guru dan pendidik dari Kementerian Pendidikan terutama di Daerah Belait melalui permainan rekreasi dan sukan.

Juara menerima hadiah wang tunai, plak kejohanan dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Penaja kejohanan, Winnie Lo Shieh Sien.

Kejohanan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Jasmani SM PJNHAB bagi mencari bakat-bakat baru serta pemain untuk mewakili Daerah Belait bagi kejohanan akan datang yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kluster 6 sekolah-sekolah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang ialah Awang Haji Kadri Mohd. Yusof dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kuala Belait.



Haji Kadri Mohd. Yusof dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kuala Belait menyampaikan hadiah kepada pemain badminton Sekolah Menengah Pengiran Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar.

Atlet wushu sumbang dua pingat gangsa



Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Republik Singapura



REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 6 Jun. - Atlet wushu pasukan Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip dua pingat gangsa pada temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-28, 2015 menerusi Kategori Duilian Lelaki dan Wanita dalam kejohanan yang berlangsung di Singapore Expo Hall 2.

Berangkat menyaksikan kejohanan dan seterusnya mengurniakan pingat kepada para pemenang ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Pingat gangsa pertama diperolehi menerusi gandingan adik-beradik, iaitu Mohammad Sufi Syariyan bin Roslan dan Mohammad Adi Sya'rani bin Roslan bagi acara Duilian Lelaki selepas mempamerkan satu persembahan yang menggamatkan penonton dan tidak menghampakan sehingga berjaya mengutip 9.68 mata, iaitu ketinggalan 0.04 mata daripada pemenang pingat emas.

Namun satu kelebihan bagi peserta tuan rumah bermain di halaman sendiri untuk mendominasi perlawanan dan sekali gus terlalu sukar untuk dikalahkan apabila berjaya mengutip 9.72 mata melalui aksi mantap mereka untuk menjulang pingat emas, manakala pingat perak dimenangi oleh pasangan dari Filipina.

Sementara dalam Kategori Wanita, pasukan Myanmar unggul di hadapan selepas mempamerkan persembahan dan aksi yang memukau penonton sehingga berjaya memungut 9.69 mata sekali gus menumpaskan pasukan Singapura yang hanya memperoleh 9.68 mata untuk meraih pingat perak dan pingat gangsa diraih oleh atlet



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) semasa berkenan mengalungkan pingat gangsa kepada pasangan Faustina Woo W. dan Lee Ying Shi selepas berada pada tempat ketiga dalam Kategori Duilian Wanita.

negara menerusi gandingan Faustina Woo W. dan Lee Ying Shi yang memperoleh 9.64 mata.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke kejohanan tersebut

setentunya memberikan suntikan semangat kepada para atlet negara agar sentiasa membuat yang terbaik demi mengharumkan nama negara.

Dengan pencapaian hari ini,

kontinjen negara memperoleh tiga pingat gangsa selepas pasukan bola jaring berjaya menyumbang pingat gangsa yang pertama.

Skuad bola jaring bawa pulang pingat gangsa



PASUKAN bola jaring kebangsaan berjaya mengalung pingat gangsa pada Sukan SEA Ke-28 Singapura 2015.



Laporan dan Foto :
Samle Haji Jait dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 7 Jun. - Penyertaan pasukan bola jaring negara pada Sukan SEA Ke-28 Singapura 2015 sangat berbaloi apabila berjaya mengalung pingat gangsa pada acara bola jaring wanita yang berakhir hari ini di Dewan I OCOBC Arena, di sini.

Sekalipun berdepan dengan saingan pasukan bola jaring negara ASEAN yang sudah gah dengan kejayaan antarabangsa, namun kehadiran sulung skuad bola jaring negara menyertai temasya sukan berprestij sebagai petanda awal kemampuan pasukan negara di pentas serantau.

Sekalipun tewas kepada pasukan Malaysia, Thailand dan Singapura pada persaingan peringkat saringan, namun pasukan negara telah berjaya menumpaskan pasukan Myanmar dan Filipina untuk mengesahkan layak ke separuh akhir tetapi akur kemaraan mereka ke final telah dihalang oleh pasukan gergasi bola jaring ASEAN - Malaysia.

"Inilah sejarah terbaik pasukan bola jaring negara. Kita telah berjaya membuktikan pasukan bola jaring Brunei

juga mampu memberi saingan di pentas serantau dan seterusnya berjaya mengalung pingat," jelas jurulatih skuad bola jaring negara, Thiaka Jinadasa.

Ketika ditanya perancangan masa depan, Thiaka merancang akan meneruskan latihan bersama skuad yang ada ini bagi memantapkan permainan termasuk mengekalkan mutu persefahaman semua pemain.

Katanya, peluang pemain-pemain bola jaring negara untuk terus beraksi di pentas serantau dan antarabangsa sangat terbuka luas dengan menyertai Kejohanan Bola Jaring Belia U21 ASEAN di Hong Kong pada bulan December nanti, di samping mengintip peluang untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring ASEAN di Malaysia.

Beliau berharap kejayaan pada Sukan SEA ini juga akan menarik minat lebih ramai peminat sukan bola jaring untuk tampil ke hadapan bagi menyertai skuad negara dengan menjalani latihan.

"Kita juga berusaha mencari pemain-pemain muda yang berbakat untuk diasuh dan seterusnya menjadi pelapis pasukan kebangsaan," jelas jurulatih.

Pada Kejohanan Sukan SEA Ke-28, pasukan bola jaring Singapura telah mencatatkan sejarah apabila berjaya menumpaskan pasukan gergasi bola jaring ASEAN sekali gus meranapkan harapan Malaysia untuk mengekalkan penguasaan merangkul pingat emas.

Taufiq melangkah ke pusingan kedua



Laporan dan Foto :
Samle Haji Jait dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 7 Jun. - Fokus dan tidak melakukan kesilapan sepanjang perlawanan menjadi senjata buat atlet negara, Ahmad Taufik Mohd. Murni yang berjaya mengejutkan peserta Malaysia dengan kedudukan 9 - 3 pada acara 9 Pool Perseorangan Lelaki Sukan SEA Ke-28, di Dewan 4, OCBS Arena, di sini.

Taufik yang kecewa selepas lebih awal tersingkir pada acara double bagaimanapun kembali bersemangat apabila memulakan persaingan dengan cemerlang sehingga mendahului kedudukan 4 - 0.

Pemain Malaysia, Jason Ang yang tidak mahu ketinggalan pungutan mata berjaya memenangi frame ke 5 dan 6 untuk kedudukan 2 - 4.


Namun, Taufik tidak mahu menoleh ke belakang dengan menguasai frame berikutnya dan melengkapi kedudukan

9 - 3 untuk memastikan kejayaan memasuki peringkat kedua acara perseorangan.

"Saya berjaya memberi tekanan kepada pasukan lawan sehingga menguasai banyak frame. Kekuatan mental sangat penting pada acara ini dan saya dapat menguasainya untuk menampilkan permainan yang berkesan," jelas Taufik.

Beliau mengakui faktor tumpuan pada perlawanan sangat penting kerana ia merupakan salah satu kekuatan dalam perlawanan.

"Laluan masih jauh kerana bakal menghadapi cabaran daripada pemain yang lebih berpengalaman namun saya sudah bersedia untuk memberikan saingan kepada pemain lawan," jelasnya sambil berharap akan mengekalkan reputasi corak permainannya.



AHMAD Taufik semasa memberi cabaran kepada pemain Malaysia, Jason Ang pada acara 9 Pool Perseorangan Lelaki.



REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 6 Jun. - Pelayar muda negara, Lim Jenn Kiat yang baru berusia 13 tahun menjadi peserta termuda dalam acara layar bagi Kategori Male Youth Laser Radial (U19) Sukan SEA Ke-28 di

Pengalaman batasi cabaran Lim



Laporan dan Foto :
Samle Haji Jait dari Republik Singapura

Pusat Layar Kebangsaan, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat memberikan sokongan kepada peserta muda negara itu.

"Inilah penyertaan paling besar yang perlu disertai. Saya mencuba memberikan saingan sekalipun berdepan dengan pelayar yang sudah berpengalaman," jelas Lim penuh semangat.

Beliau mengakui faktor pengalaman telah membatasi persaingan dalam acara berkenaan bagaimanapun ia merupakan satu pengalaman yang sangat berharga sekali gus sebagai perintis pada penyertaan akan datang.

Kategori berkenaan akan bersaing sebanyak tiga fasa di mana pada fasa pertama Lim terpaksa akur dengan menduduki tangga terbawah selepas pelayar dari Indonesia, Achmad Zainuddin menduduki tempat pertama.

Peserta tuan rumah, Cheo Bernie Chin menduduki tempat kedua dan pelayar dari Thailand, Apiwat Sringam tempat ketiga

manakala Asri Azman dari Malaysia menduduki tangga keempat.

Peserta negara akan meneruskan

cabaran bagi fasa kedua dan ketiga bagi menentukan kemenangan keseluruhan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan bergambar ramai dengan atlet layar negara.

Aksi Mohd. Abdillah Tamin kurang menyerlah

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 6 Jun.- Atlet petanque Negara Brunei Darussalam, Mohd. Abdillah bin Tamin bakal meneruskan persaingan esok pagi dalam Kategori Perseorangan Lelaki dan berharap untuk membawa pulang sebarang pingat untuk negara.

Mohd. Abdillah yang tumpas dalam Kategori Shooting hanya berjaya menduduki tempat ke-8 daripada sembilan peserta dengan kutipan 12 mata.

Hadir menyaksikan perlawanan yang berlangsung di Padang Singapura, ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat



Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Republik Singapura



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika memberi sokongan kepada pasukan petanque negara dalam Kategori Shooting iaitu Awang Mohd. Abdillah bin Tamin di Padang Singapura.

Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Pada perlawanan pusingan pertama, Mohd. Abdillah hanya mampu memungut 18 mata setelah didominasi oleh peserta Thailand dan Kemboja untuk berada di tangga dua teratas.

Namun Mohd. Abdillah tidak mampu untuk memperbaiki kedudukannya di pusingan kedua apabila hanya mampu mengutip 12

mata sekali gus akur kepada peserta dari Malaysia dan Laos yang menguasai dua tangga teratas.

Pada akhirnya negara Gajah Putih, Thailand muncul sebagai pemenang emas diikuti pingat perak untuk Kemboja manakala Malaysia dan Laos berkongsi pingat gangsa.

Skuad Petanque negara pada kali ini akan bersaing dalam empat kategori, iaitu Shooting, Perseorangan Lelaki, Men's Double dan Men's Triple.



AKSI Awang Mohd. Abdillah dalam Kategori Shooting di Padang Singapura.

Gagal halang pasukan Thailand

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 6 Jun. - Skuad bola sepak negara terus hampa selepas gagal menghalang kepantasan pasukan Thailand pada persaingan Kumpulan 'B' Sukan SEA Ke-28 di Stadium Bishan, di sini.

Skuad kendalian Steven Ng itu cuma mampu bertahan sehingga 19 minit apabila Chenrop Sampheddi berjaya mencipta jaringan pertama dan menambah jaringan pada minit ke-31.

Ketinggalan jaringan membuat pasukan negara bangkit untuk mencari jaringan namun pertahanan Thailand sangat kukuh untuk ditembuskan.

Brunei yang berusaha keras untuk mencari kemenangan sebagai penawar kekalahan tiga perlawanan lalu bagaimanapun lesu apabila pemain tengah Thailand, Thitipha Ruangjan menambah pesta pasukan Thailand dan jaringan Trista Do pada minit ke-71 terus membuat skuad negara tersentak.

Sekalipun berjaya menampilkan kebangkitan pada minit akhir, namun sudah terlambat apabila Nurul Sriyankem pula menambah derita skuad bola sepak negara pada minit



Laporan dan Foto :
Samle Haji Jait dari Republik Singapura



SEBAHAGIAN daripada aksi pertemuan pasukan negara bertemu Thailand.

akhir perlawanan sekali gus melengkapkan jaringan 5 - 0.

Pasukan bola sepak negara yang sudah terkeluar dari mara ke separuh

akhir akan mengakhiri jadual perlawanan peringkat kumpulan menentang pasukan Malaysia pada Isnin depan.

Impian pemedang negara berkecai



Laporan dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 6 Jun.- Harapan atlet lawan pedang negara untuk menyumbang pingat akhirnya berkecai apabila akur kepada pasukan tuan rumah, Singapura selepas tumpas dengan kiraan mata 45-30 dalam Kategori Lelaki Sabre Berpasukan.

Dalam perlawanan yang berlangsung di Dewan Arena 2 OCBC temasya Sukan SEA Ke-28 Singapura, pasukan negara menurunkan Mohammad Haziq Asahrin, Mohammad Yunos bin Awang Haji Hamid dan Hardiwan Shah bin Rahim.

Jurulatih pasukan kebangsaan, Yoshea Poerawinata ketika ditemui berkata, sangat berpuas hati dengan mutu persembahan atlet negara yang ditunjukkan ketika menentang peserta Singapura walaupun sebelumnya kita berjaya meraih pingat gangsa dalam acara itu ketika menentang Singapura pada Sukan SEA 2007 di Chiangmai Thailand.

Katanya, dari segi persiapan, peserta kita memang telah sama-sama membuat persiapan dan dapat dilihat semasa perlawanan berlangsung dengan mutu persembahan dan saingan sengit daripada atlet lawan pedang muda kita.

"Bagi saya tidak ada alasan kerana kita telah pun mempersiapkan diri dan memang atlet sudah berusaha menunjukkan permainan yang terbaik, saya tidak begitu kecewa kerana dalam beberapa segi kita telah dapat memenangi *game* tersebut," ujarnya lagi.

Tambahnya, atlet kita ini sememangnya merupakan golongan muda dan ia adalah salah satu langkah awal bagi mempersiapkan mereka sebagai pengganti atlet *senior* dan penyambung sukan berkenaan, di samping persiapan mental yang lebih matang pada masa akan datang.



SALAH satu aksi pemedang negara ketika berhadapan pemedang dari Singapura dalam Kategori Lelaki Sabre Berpasukan.

Selamat meluaran seorang putera



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Grand Chamberlain memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dengan izin Allah, telah selamat meluaran seorang putera pada hari Ahad, 20 Syaaban 1436 Hijrah bersamaan 7 Jun 2015 Masihi, jam 2.02 pagi.

Berikutan dengan meluaran ini, sebanyak 19 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

Perkembangan terbaru kardiologi

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

para doktor tempatan menjalankan latihan dan pembedahan bersama rakan-rakan dari Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC), di samping berkongsi pengetahuan.

Yang Berhormat juga mengambil maklum dan berbangga atas kejayaan pembedahan implan peranti ventrikular kiri yang dilakukan baru-baru ini oleh para doktor tempatan terhadap tiga pesakit yang mengalami kegagalan jantung yang teruk sejak bulan November tahun lepas. Pengiktirafan yang luar biasa ini membuktikan kepakaran mereka dalam bidang kardiologi.

Menyentuh tentang kehadiran para doktor tempatan di Gleneagles JPMC merupakan satu pencapaian terbesar dalam pembangunan kapasiti negara dan elemen penting untuk kesihatan yang mampan di Negara Brunei Darussalam yang mana akan membolehkan pusat jantung dilakukan sepenuhnya oleh pakar-pakar klinikal tempatan.

Persidangan selama dua hari hingga

7 Jun itu disertai oleh kardiologi-kardiologi terkemuka dan pakar bedah kardiotorasik dari Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura, Malaysia dan Brunei Darussalam dengan tema 'Kemajuan terkini dalam Kardiologi'.

Sejak penubuhannya pada bulan Ogos 2002, Gleneagles JPMC Sendirian Berhad telah melaksanakan lebih 10,000 angiogram; 4,000 angioplasties, 1,800 pembedahan jantung terbuka, lebih 2,000 prosedur aritmia dan lebih 60 alat penutup bagi kecacatan jantung kongenital.

Gleneagles JPMC kini menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan antaranya seperti klinik pakar pesakit luar, klinik kardiologi, kardiologi intervensi, pembedahan jantung, pembedahan kardiovaskular dewasa dan sebagainya.

Pada perasmian persidangan tersebut dimuatkan dengan sesi pembentangan kertas kerja masing-masing disampaikan oleh Ketua Perkhidmatan Klinikal dan Pembedahan Jantung, Gleneagles JPMC, Profesor Eugene Sim dengan tajuknya 'Gleneagles JPMC Cardiac Centre - Distance Travelled and Milestones Achieved' dan Pengarah Pacific Rim EP Institut Penyelidikan Los Angeles, Amerika Syarikat, Dr. Koonlawee Nademanee dengan tajuk 'Sindrom Brugada, penyakit pembunuh'.

Persidangan itu akan diteruskan lagi dengan membincangkan beberapa tajuk yang berhubung kait dengan masalah jantung yang akan disertai oleh kira-kira 250 peserta terdiri daripada para doktor, jururawat dan ahli penjagaan kesihatan profesional dari dalam dan luar negara.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Agensi Pelaburan Brunei semasa menyampaikan cenderamata kepada seorang peserta Persidangan Kardiologi Antarabangsa, Brunei Darussalam Ke-5 (kiri).

Celik Kewangan kurangkan risiko hutang

Dari muka 1

Pengerusi Jawatankuasa Bengkel Celik Kewangan / Celik Kewangan Islam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali dalam ucapannya menyatakan, celik kewangan adalah kunci untuk mengawal budaya hutang yang merupakan salah satu isu paling mendesak yang dihadapi oleh komuniti di seluruh dunia.

Beberapa faktor menyumbang kepada gaya hidup yang membebaskan itu, terangnya, termasuklah berbelanja melampaui kemampuan dan godaan gaya hidup mewah dan moden yang mementingkan penggunaan barangan mahal.

Celik Kewangan akan memperkasa komuniti yang memberikan mereka pengetahuan tentang kewangan yang



MENTERI Pendidikan dan para jemputan khas hadir pada Perasmian Persidangan Kardiologi Antarabangsa, Brunei Darussalam Ke-5 di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park and Polo Country Club.



HADIR selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Urusan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Lily binti Haji Kula.- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

berkaitan dengan kehidupan mereka dan membolehkan mereka membuat keputusan berdasarkan fakta.

"Mereka yang Celik Kewangan berkemungkinan dapat berjimat dan dapat menilai produk kewangan yang selamat," ujarnya.

Menurutnya, inisiatif Celik Kewangan diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada keluarga-keluarga agar celik dan bijak dalam pengurusan kewangan sendiri dan keluarga.

Melaluinya, beliau menambah akan dapat mengurangkan risiko gejala berhutang dan membebaskan diri daripada belenggu hutang.

Sementara, Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Pengiran Datin Paduka

Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat berkata, Bengkel Celik Kewangan adalah untuk memberi sokongan terhadap beberapa usaha pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini dalam bersama membasmi kemiskinan di negara ini.

Pada perasmian tersebut dimuatkan dengan ucapan tema 'Enhancing Islamic Financial Literacy and Financial Inclusion : Issues and Challenges' disampaikan oleh Ketua Ekonomi, Institut Penyelidikan dan Latihan Islam, Bank Pembangunan Islam, Dr. Muhamed Zulkhibri.

MWNBD adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang merupakan indung atau payung 13 persatuan dan pertubuhan wanita di negara ini yang memainkan peranan utama untuk

menyatupadukan tenaga sukarelawan wanita bagi pembangunan negara dan bertindak selaku badan kebangsaan, mewakili suara wanita dalam menerajui isu-isu wanita dan keluarga serta menggalakkan penyertaan aktif wanita pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Tujuan utama ia ditubuhkan untuk mengangkat taraf wanita dalam semua bidang khususnya bidang pendidikan, ekonomi, kebajikan, kebudayaan dan sosial.

Sejak tempoh 30 penubuhannya, MWNBD katanya, telah dapat mengungkapkannya pelbagai kegiatan di dalam dan luar negar, pada peringkat serantau dan antarabangsa dengan berpanduan kepada tujuan dan objektif penubuhan majlis itu.

CELIK KEWANGAN KUNCI MENGAWAL BUDAYA BERHUTANG

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.